


Jilid II
Bil. 14



Hari Selasa
17hb Ogos, 1976

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1237]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Keenam) [Ruangan 1251]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1314]

DICETAK OLEH

IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1977

MALAYSIA
PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ General TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD NOORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

- ” **TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).**
- ” **DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).**
- ” **DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).**
- ” **TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).**
- ” **DR LIM KENG YAIK (Dilantik).**
- ” **TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).**
- ” **DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).**
- ” **TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).**
- ” **TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).**
- ” **DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).**
- ” **DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).**
- ” **DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).**
- ” **TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).**
- ” **TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).**
- ” **DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).**
- ” **RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).**
- ” **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).**
- ” **DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).**
- ” **PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).**
- ” **DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).**
- ” **DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).**
- ” **TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).**
- ” **TUAN TING MING HIA (Sarawak).**
- ” **CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).**
- ” **TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).**
- ” **DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).**
- ” **DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).**
- ” **PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).**

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 17hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAKANAN ORANG ISLAM

1. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan, oleh kerana sebahagian besarnya dari penduduk di Malaysia beragama Islam, apakah langkah yang diambil supaya barang-barang dalam tin tidak disaji di hotel-hotel besar dan restoran berdasarkan Akta Perihal Perdagangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menjaga orang-orang Islam dari memakan bahan-bahan makanan yang tidak halal, Kerajaan telah mengadakan dua perintah menurut Akta Perihal Dagangan, 1972. Perintah-Perintah tersebut ialah:

- (1) Perintah Perihal Dagangan Penggunaan Perbendaharaan "Halal" 1975 (P.U.A. 237) yang diperbuat pada 29hb Julai, 1975;
- (2) Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan), 1975 (P.U.A. 298) yang diperbuat pada 18hb September, 1975.

Kerajaan percaya bahawa dengan perintah-perintah yang telah dibuat itu dapatlah orang-orang Islam amnya mengelakkan diri mereka dari memakan makanan yang tidak halal.

Berkenaan dengan barang-barang makanan yang tidak ditanggung halal seperti daging babi dan barang-barang dalam tin tidak disajikan di hotel-hotel besar dan restoran-restoran berdasarkan Akta Perihal Dagangan,

Kerajaan sedang memikirkan. Tetapi masalah yang dihadapi ialah tempat-tempat seperti itu tidaklah hanya dikunjungi oleh orang-orang Islam sahaja tetapi juga oleh orang-orang yang bukan Islam. Walau bagaimanapun, pada hemat saya adalah juga menjadi tanggungjawab orang-orang Islam sendiri mengelakkan diri mereka dari memakan atau memakan barang-barang yang tidak halal.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perihal barang-barang yang tidak ditanggung, halal yang akan disaji di hotel-hotel besar dan restoran-restoran, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjawab sedang ditimbang. Berapa lama "sedang" ini dan apakah yang hendak ditimbang oleh Kerajaan dalam masaalah ini?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang besarnya ialah restoran-restoran besar itu bukan hanya dimasuki atau dikunjungi oleh orang-orang Islam sahaja, sebab itu tidaklah adil kalau kita membuat sesuatu peraturan bahawa barang-barang yang bukan halal bagi orang Islam tidak boleh dihidangkan sedangkan bagi orang-orang yang bukan Islam halal atau boleh memakannya. Sebab itu, Kerajaan memikirkan apakah implikasi yang mungkin timbul daripada pendapat-pendapat yang tergesa-gesa. Oleh kerana itu Kerajaan sedang memikirkan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak Kerajaan mengadakan dua dapur ataupun dua jenis makanan yang satu dikhaskan kepada orang-orang Islam sahaja dan yang satu lagi untuk orang yang bukan Islam di hotel-hotel besar ataupun di restoran-restoran di Ibukota dan juga di seluruh Malaysia?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhak mengadakan dua dapur oleh kerana restoran itu bukan kepunyaan Kerajaan. Oleh kerana itu, terserahlah kepada tuan punya restoran itu sendiri memandangkan orang-orang Islam yang datang ke dalam restoran itu kalau dia menganggap bahawa baik baginya mengadakan dua dapur, satu untuk orang Islam dan satu untuk orang bukan Islam, itu terserahlah kepada kebijaksanaan mereka itu sendiri. Tetapi apa yang saya tekankan dalam jawapan saya tadi bukan mereka yang harus menjaganya tetapi umat Islam dan orang Islam sendiri yang harus menjaga supaya jangan dia terlibat atau makanan atau termakan makanan-makanan yang tidak halal baginya mengikut ajaran ugama Islam.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya tadi bukan meminta supaya Kerajaan mengadakan dua dapur atau dua jenis makanan, tetapi mengarahkan atau membuat peraturan-peraturan yang memaksa bahawa hotel-hotel besar atau restoran itu mengadakan di hotel masing-masing, bukan maksud saya Kerajaan mengadakannya sebab saya tahu hotel itu bukan hak Kerajaan, tetapi ialah hak swasta. Maksud saya supaya Kerajaan mengadakan satu peraturan bagi memaksa ataupun mengarahkan hotel-hotel ataupun taukehtaukeh tuannya hotel mengadakan dua dapur, satu khas untuk orang Islam dan yang satu lagi untuk orang yang bukan Islam supaya orang Islam tidak tertipu oleh sesuatu masakan yang bercampur-gaul seperti yang berlaku sekarang ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang sedang difikirkan.

AKHBAR-AKBAR PUTAR BELITKAN BERITA KERAJAAN

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang diambil terhadap akhbar-akhbar dan percetakan yang selalu memutar belitkan berita-berita Kerajaan dan ucapan-ucapan Menteri; dan
- (b) langkah yang diambil terhadap akhbar yang mencedok berita dan gambar

yang disiarkan oleh akhbar Singapura mengenai tempat latihan penganas komunis baru-baru ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akhbar-akhbar tempatan yang diterbitkan di negeri ini adalah tertakluk kepada Akta Mesin Cetak, 1948 dan hendaklah mematuhi dengan sepenuhnya syarat-syarat permit yang telah ditetapkan. Jika ada akhbar-akhbar tempatan yang memutar belitkan berita-berita, terutama sekali yang boleh menimbulkan perasaan bencimembenci di kalangan masyarakat samada berita itu daripada ucapan-ucapan Menteri ataupun dasar-dasar Kerajaan maka tindakan boleh diambil di bawah Akta ini.
- (b) Kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap akhbar-akhbar tempatan yang mencedok berita-berita atau gambar-gambar daripada akhbar-akhbar luar kecuali jika berita-berita itu boleh menimbulkan perpecahan kaum.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini telah menjadi satu rungutan kepada rakyat dalam negeri ini dan juga kepada para Menteri kita bahawa setengah-setengah akhbar tidak dapat memuatkan ucapan-ucapan daripada bapa Menteri kita dan juga berita-berita daripada Kerajaan. Bolehkah Kerajaan membuat satu peraturan pada ketika mengeluarkan lesen percetakan itu bahawa setiap akhbar hendaklah memberi lambaran yang khas kerana memuatkan berita-berita yang ada kaitan berita Kerajaan dan juga para-para Menteri.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita kena menengok balik kepada kedudukan dan konsep persuratkhbaran di negara kita ini. Kita mengamalkan kebebasan akhbar dan setakat hari ini boleh dikatakan akhbar-akhbar tempatan memberi kerjasama kepada kehendak-kehendak ataupun dasar negara. Soal memberikan liputan ucapan-ucapan Menteri ataupun mana-mana pihak ini terpulanglah kepada akhbar-akhbar itu sendiri, tetapi daripada experience yang lalu jika tidak melibatkan soal perpecahan

aum, berita-berita itu boleh kita clarify hari ang seterusnya. Tetapi kalau seperti iya katakan tadi jika ada berita-berita yang ngaja diputar belitkan oleh pihak-pihak khabar, maka bukan sahaja kita boleh beri asihat tetapi kita boleh gantung lesen mereka.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini ada rungutan kedengaran seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan ada akhbar-akhbar yang memutar belitkan perintah Menteri ataupun ucapan Menteri. Jadi, kalau betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu akhbar-akhbar ini boleh ditarik lesen dan sebagainya, saya ucapkan terima kasihlah. Tetapi perkara ini ada benar berlaku. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah ada atau tidak putarbelit atau subversive element di dalam atau di mana-manapun memerintahkan akhbar suruh buat begitu. Ada atau tidak?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lain daripada soalan asal. Tetapi soal samada saya hendak menafikan atau tidak adanya subversive element dalam satu-satu tempat itu, ini susah mengatakan dengan tepat. Bagi segi kita, kita monitor semua surat-surat khabar itu dan jika nampak mereka itu tergelincir daripada apa yang sepatut, kita tidak berlengah lagi mengambil tindakan.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar Yang Berhormat Menteri menceritakan yang surat-surat khabar ini dimonitor, tetapi saya tahu surat khabar di Sabah yang banyak mengeluarkan sensitive issues tetapi tidak ada apa-apa tindakan dibuat terhadap mereka.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat semasa kempen pilihanraya di Sabah kita telah mengeluarkan amaran kepada akhbar-akhbar di sana supaya mereka itu jangan tergelincir daripada syarat-syarat yang tertentu dan selepas itu nampak reda sedikit. Tinggal lagi kes-kes yang ada itu ada juga yang di bawa oleh individual-individual ke mahkamah. Itu terpulanglah kepada dia.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada akhbar-akhbar mengeluarkan kritik, kalau tidak salah saya dalam Straits Times pun ada, berkenaan menggunakan sarikata dengan bahasa kebangsaan di dalam filem-filem dikeluarkan oleh satu kaum (community) dari negara kita ini. Saya ingat ini adalah penghasut. Apa tindakan Kerajaan terhadap mereka jika dimasukkan dalam akhbar oleh kerana ini adalah berlawanan dengan Perlembagaan kita.

Datuk Shariff Ahmad: Ini daripada surat khabar berjangkit kepada yang lain. Tetapi perkara itu kita memang ada mengikuti dengan sedekat-dekatnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan laporan berhubung dengan kegiatan komunis dalam negeri kita berserta dengan gambar yang menakjubkan rakyat negeri ini. Atas tindakan ini adakah boleh Kementerian ini dianggap mengekori atas apa yang dibuat oleh akhbar Singapura baru-baru ini?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh disebut yang kita mengekori.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, mengikut demokrasi berparlimen setakat mana kebebasan atau freedom diberi kepada akhbar-akhbar di negeri kita.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, freedom of the press ini bergantung kepada dimana berlaku dan bagi kita di negara kita ini freedom of the press is within the limits of the framework of the Constitution.

**JALANRAYA KUALA LUMPUR/
SEREMBAN**

3. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilakah pengubahan semula jalan raya diantara Kuala Lumpur ke Seremban yang patut disiapkan pada akhir tahun 1975 akan siap;
- (b) sebab-sebab kelambatan; dan
- (c) jumlah perbelanjaan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua.

(a) Pada mulanya perubahan jalan raya Kuala Lumpur/Seremban sepatutnya disiapkan pada bulan April, 1976 tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu jangka masa jalanraya itu akan disiapkan telah ditunda. Kementerian saya sedang memerhati keadaan ini dan akan berusaha supaya projek ini disiapkan secepat mungkin.

(b) Sebab-sebab kelambatan adalah seperti berikut:

- (i) Masalah dalam pengambilan balik tanah.
- (ii) Soal-soal menempatkan semula setinggan-setinggan yang terlibat.
- (iii) Kerja-kerja pemindahan kemudahan-kemudahan yang terlibat.
- (iv) Kontrektor bagi projek ini telah menghadapi masalah kekurangan wang dan juga masalah kekurangan kakitangan yang mahir untuk menjalankan kerja-kerja yang dikehendaki.

(c) Jumlah kos pembinaan yang dianggarkan ialah \$5.7 juta.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada sebab-sebab yang tidak dapat kita ambil oleh kerana berkenaan dengan tanah. Sebelum ditender kerja itu untuk membuat jalan tentulah pengambilan tanah ini telah dijalankan. Mengikut Land Code jika diambil tanah orang itu untuk kegunaan orang ramai boleh diambil kalau hendak dibicara kemudian dibicarakan, deposit \$10,000 di Court; kita boleh ambil terus. Jadi apakah sebabnya tindakan mengambil tanah ini tidak dijalankan mengikut apa yang ada dalam Land Code kita?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab berkenaan dengan pengambilan balik tanah ialah terletak di tangan Pejabat Tanah di bawah Kerajaan Negeri dan Kementerian saya sentiasa berhubung dengan mereka supaya semua masalah-masalah dapat diselesaikan dengan secepat mungkin, tetapi malangnya masalah timbul dari semasa ke semasa,

walau bagaimanapun Kementerian saya akan berhubung terus dengan Kerajaan Negeri supaya masalah-masalah yang membangkit boleh diselesaikan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Seremban mungkin akan disambung lanjutan daripada Seremban membawa ke selatan negeri Johor betulkah ada satu cadangan daripada Kementerian ini bahawa rangka jalan yang akan ke selatan itu tidak akan melalui Melaka lagi malahan akan terus dari Aloi Gajah, Jasin, Tangkak, Pagoh, hingga ke Ayer Itam, adakah cadangan ini sampai dalam pengetahuan Kementerian ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya soalan itu adalah soalan lain dan saya perlukan notis untuk soalan itu.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam sedar bahawa kelambatan projek ini disebabkan ada setinggan-setinggan yang menduduki tanah yang menggunakan projek ini. Kalau ada masalah berkenaan dengan setinggan, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan perkara ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi masalah setinggan merupakan salah satu antara masalah-masalah lain dan itulah masalah yang mengakibatkan kelambatan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tadi saya telah dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kelemahan dan kelambatan berkenaan kontrektor samada Korean contractor atau siapa juga kontrektor, saya tidak tahu oleh kerana ia tidak ada berduit untuk membuat jalan, jadi dengan sebab itu kalau misalnya ia sudah tidak berduit untuk membuat jalan, maka lambatlah jalan itu siap. Adakah kesalahan ini kita pula terpaksa menanggungnya, sebab Korean contractors ini lambat. Dan saya dengar Korean contractor ini juga diberi satu kerja lagi iaitu daripada Kuala Lumpur ke Tanjong Malim, adakah betul atau tidak?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Jalanraya yang dibangkitkan oleh Senator yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng tidak ada berkaitan dengan lebuhraya eremban ke Kuala Lumpur tetapi menyenhi tentang jalanraya sekarang (existing road). Di sini saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kontraktor-kontraktor untuk projek ini telah affected oleh recession untuk tahun 1973-1974, jadi bukan sahaja kontraktor-kontraktor untuk projek ini tetapi ditempat lain mereka pun telah merasa akibat recession. Perkara ini sedang diurus dan sedang dikaji oleh Kementerian saya. Dalam perkara ini satu kontrak telah ditandatangani oleh dua pihak dan Kementerian saya tentu boleh bertindak atas kontraktor itu. Perkara sedang dalam perundingan, jadi agaknya delicate sedikit dan saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar, sebab Kementerian saya tentu akan bertindak secara adil dan tegas tentang perkara ini.

ROMPAKAN DI LEBUHRAYA

4. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah bilangan kejadian-kejadian merompak di lebuhraya yang berlaku di berbagai Negeri di Semenanjung Malaysia tahun lalu; dan

(b) langkah-langkah positif yang telah diambil dan langkah-langkah tambahan, jika ada, yang akan diambil bagi mencegah bertambahnya kejadian merompak di lebuhraya.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 79 kejadian rompak di jalan raya telah dilaporkan kepada Polis dalam tahun 1975:

Negeri	Bilangan laporan rompak di jalanraya		
Pulau Pinang	7
Perak	7
Negeri Sembilan	25
Johor	24
Kelantan	3
Pahang	13
			—
Jumlah	79
			—

(b) Setakat ini Polis telah berjaya mematahkan 11 kumpulan haram yang disyaki terlibat dalam kejadian-kejadian tersebut dan seramai 33 orang telah ditangkap dan didakwa di Mahkamah.

Di negeri Johor umpamanya, sebanyak 3 kumpulan haram yang melakukan rompak-rompak di lebuhraya telah dapat dihapuskan dan pada masa ini Polis sedang berusaha untuk mematahkan satu lagi kumpulan yang masih bergiat.

Polis sedang mengambil semua langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini.

Datuk Raja Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak cadangan Kerajaan untuk mengadakan road patrol seperti di Amerika dengan highway patrol supaya pengguna jalanraya tidak kena rompak ditengah jalan. Adakah cadangan Kementerian berbuat begitu pada masa yang akan datang?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi, tetapi jalan lain kita ada mengadakan, misalnya yang sedang berjalan hari ini iaitu di kawasan-kawasan yang tertentu berlaku, kita adakan ambush.

AMBULAN UNTUK HOSPITAL DAERAH TAPAH

5. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada sebuah kereta ambulan yang baru akan diberikan oleh Kerajaan kepada Hospital Daerah Tapah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, dalam Hospital Daerah Tapah mempunyai 3 buah ambulan iaitu:

BAK 7580—1974
BY 9626—1970 dan
BY 9627—1970

Mengikut Peraturan-peraturan Perbendaharaan, ambulan-ambulan biasanya diganti selepas 7 tahun atau setelah digunakan lebih daripada 100,000 batu, mengikut yang mana satu yang lebih awal.

Kementerian saya akan menggantikan ambulans BY 9626 sebelum akhir tahun ini apabila ambulans-ambulans bagi tahun 1976 diterima. Ambulans BY 9627 akan diganti pada tahun 1977.

RUKUN TETANGGA

6. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, berhubung dengan pelancaran Sekim Rukun Tetangga di negara ini:—

- (a) bilangan negeri-negeri yang telah melancarkan sekim ini dan bilangan yunit-yunit dalam setiap negeri; dan
- (b) samada sekim ini telah menerima sambutan baik dari rakyat jelata dan sebab-sebab kelambatan dalam melancarkan sekim itu bagi setiap kawasan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31hb Julai, 1976 jumlah kawasan yang telah menubuhkan Rukun Tetangga ialah 128 kawasan; dan adalah pecahannya seperti berikut:

Wilayah Persekutuan	...	36
Johor	34
Kedah	17
Kelantan	1
Melaka	5
Negeri Sembilan	4
Pulau Pinang	2
Pahang	9
Perak	7
Perlis	1
Selangor	11
Trengganu	1

Jumlah ... 128

- (b) Rancangan Rukun Tetangga telah mendapat sambutan yang hangat dari orang ramai terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan bandar. Pelaksanaan rancangan Rukun Tetangga tidaklah lambat tetapi berjalan mengikut jadual dan pada peringkat awal keutamaan diberi kepada kawasan-kawasan dalam bandar

dan kawasan-kawasan yang ada implikasi dalam soal keselamatan. Wala bagaimanapun, pelaksanaan Rukun Tetangga akan dijalankan di seluruh Malaysia dari satu-satu masa secara berperingkat-peringkat.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sekiranya Rukun Tetangga di setengah-setengah Negeri tidak dapat dilaksanakan dengan lancar oleh sebab masalah kewangannya yang sampai sekarang dibantu oleh pihak swasta, dari pihak swasta memang tidak mampu memberi bantuan selama-lamanya? Adakah Kerajaan akan bertanggungjawab atas masalah kewangan ini kepada sekim-sekim Rukun Tetangga itu pada masa akan datang?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali soalan itu tidak begitu specific, tetapi pada umumnya Kerajaan kita berkehendakkan rakyat biasa melibatkan diri dan kalau dapat memberikan sedikit sebanyak contribution untuk mengadakan Rukun Tetangga di tempat masing-masing.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi penerangan. Negeri Perak kalau saya tidak silap dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ada 7 yunit, padahal Negeri Perak itu besar tetapi mengapakah ditubuhkan 7 yunit sahaja?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang 7 yunit tetapi seperti saya kata tadi bukanlah bermakna 7 yunit itu maktamad, kita akan tubuhkan dari satu masa ke satu masa.

RELA

7. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan yunit-yunit RELA yang telah ditubuhkan dalam tiap-tiap negeri, dengan memberikan

- (a) bilangan senjatapi yang telah diberi kepada anggota-anggota RELA;
- (b) samada Kementerian ada apa-apa rancangan untuk memberi latihan kepada anggota-anggota RELA bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan

(c) sejak penubuhannya, setakat manakah unit-unit RELA ini telah memberikan bantuan yang berfaedah kepada pihak Polis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-ertua,

(a) Oleh kerana kepentingan keselamatan maka jumlah senjatapi yang diberi kepada RELA tidak dapat saya umumkan.

(b) Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memberi 3 jenis latihan kepada ahli-ahli RELA di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu:

(i) Kursus Ketua Unit yang akan memakan masa selama seminggu. Dalam Kursus ini Ketua Unit akan diajar hahlewal RELA—perhubungan RELA dengan Polis, cara-cara mendapatkan maklumat “feed back” dan taktik-tektik musuh dan cara-cara menggunakan senapang patah untuk mengawal kampung halaman mereka.

(ii) *Kursus Tempatan*

Kursus tempatan ini ialah memberi latihan kepada ahli-ahli RELA di kawasan perbatasan dan sensitif dalam cara-cara mengawal dan rondaan kampung; kursus ini akan memakan masa selama 16 hari dan tiap-tiap satu hari ahli RELA akan diberi latihan selama 3 jam.

(iii) *Kursus Sehari*

Kursus sehari ini di mana ahli-ahli RELA sekalian diberi penerangan mengenai organisasi RELA, konsep RELA dan Undang-undang RELA, Perhubungan RELA dengan Polis, Perhubungan RELA dengan Tentera dan cara-cara mendapatkan maklumat serta feed back dan juga taktik-tektik musuh.

(c) Semenjak ditubuhkan RELA telah membantu dengan erti kata yang sebenar kepada pihak Polis sekurang-kurangnya dalam dua cara:

(i) meronda dan mengawal kampung halaman masing-masing;

(ii) mendapatkan maklumat yang penting untuk disampaikan kepada pihak Polis supaya pihak Polis dapat menjalankan tindakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah atau tidak anggota-anggota RELA wanita sebab yang bertanya tadi adalah wanita, dan kalau ada berapa banyak?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada, tetapi jumlahnya barangkali kena beri notislah.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru tadi kita mendengar bahawa penubuhan RELA ini amat berfaedah kepada pihak Polis dalam menjaga keselamatan dan meronda. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan samada RELA yang telah ditubuhkan di pesisir pantai di kampung-kampung nelayan, mereka ini boleh juga meronda di laut dengan menggunakan bot masing-masing?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham ronda kampung dan ronda laut ini lain. RELA ini dilatih untuk mengawal kampung dan meronda kampung, tetapi kalau soal pergi ke lautan lepas itu sudah besar tugasnya dan memerlukan latihan yang khas. Tugas ini adalah diberikan kepada Marine Polis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian ini memberikan keluasan dan kebenaran kepada anggota RELA kita yang telah diberikan senjatapi ini digunakan untuk menembak musuh-musuh yang membinasakan tanam-tanaman dan buah-buahan peladang-peladang di dalam tanahair kita?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita membenarkan itu boleh, tetapi menembak binatang-binatang itu memerlukan kebenaran daripada Jabatan Mergastua dan kita telah beritahu mereka kalau ada yang hendak menembak monyet atau babi mereka dibenarkan, tetapi dengan syarat mendapat kebenaran daripada Jabatan Mergastua.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada terdapat sungutan daripada kalangan RELA sendiri dan orang ramai yang mengatakannya senjata yang diberikan kepada RELA ini terhad. Adakah cadangan daripada Timbalan Menteri supaya ditambahkan bilangan senjata sehingga tiap-tiap seorang sepucuk?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan tujuan kita hendak memberi tiap-tiap seorang sepucuk kerana tugas RELA ini bukan semata-mata memikul senapang. Pemberian senapang atau senjata pada hari ini diberi kepada priority, priority yang utama ialah di kawasan-kawasan sempadan dan priority yang kedua di kawasan-kawasan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai kawasan keselamatan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah ditanya oleh seorang daripada Yang Berhormat berkenaan dengan RELA di laut. Saya tanya begini oleh sebab negeri kita ini di kelilingi oleh laut, sempadannya laut dan musuh daripada laut sekarang lebih merbahaya lagi daripada di darat. Senjata-senjata boleh jadi diseludup daripada Vietnam, dari Siam ke Malaysia dan oleh sebab itu selain daripada Marine Polis ada atau tidak rancangan Kerajaan untuk mengadakan RELA laut untuk menjaga pantai-pantai kita.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, RELA laut tidak ada, tinggal lagi RELA darat itu kita sudahpun organised di kawasan-kawasan pantai seperti di Perak (Lumut, Parit, Telok Anson). Kita organised RELA untuk tempat-tempat yang tertentu, tetapi tidak bolehlah saya beritahu tektik-tektik kita hendak menjaga, kerana takut musuh akan tahu kelak, tetapi saya memberi jaminan ada.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976—1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini *menyedari* kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan pentiu terhadap perpaduan negara melalui perbasnian kemiskinan, tanpa mengira kaur dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlama matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktu dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seper yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu aman damai, saksama, maju dan kukuh (16hb Ogos, 1976).

3.07 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan malahan teguran-teguran yang membina mengenai tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga. Daripada ini izinkan saya memberi serba sedikit penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah mengemukakan gesa supaya Kerajaan menggalakkan pembinaan lebih banyak kilang-kilang di negeri-negeri yang kurang maju bagi mengelakkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar ataupun kawasan-kawasan yang telah maju. Berhubung dengan perkara ini sebagaimana yang telah saya nyatakan pada masa-masa yang lepas adalah menjadi dasar Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bertujuan menyebarkan lebih banyak lagi kilang-kilang

perindustrian ke kawasan-kawasan di negeri-negeri yang pada masa-masa lepas belum lagi disebarkan ataupun dimasukkan kilang-kilang perindustrian dengan tujuan supaya penduduk-penduduk yang duduk di kawasan-kawasan yang kurang maju dapat juga menikmati faedah-faedah yang diperolehi daripada projek-projek perkilangan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah untuk mengistiharkan beberapa kawasan sebagai Kawasan Galakan Penempatan di mana projek perindustrian yang layak akan diberi kelepasan cukai pendapatan sehingga tempoh 10 tahun. Kawasan-kawasan yang diistiharkan sebagai Kawasan Galakan Penempatan ialah:

1. Kedah, tetapi oleh kerana kawasan Kuala Muda telah banyak diwujudkan kilang-kilang perusahaan maka kawasan daerah Kuala Muda adalah terkecuali daripada peristiharan *gazette* mengistiharkan Negeri Kedah sebagai kawasan Locational Incentive atau Kawasan Galakan Tempatan.
2. Pahang, kecuali Daerah Kuantan—dengan sebab yang sama.
3. Perlis; dan
4. Kelantan.
5. Trengganu;
6. Sabah;
7. Sarawak; dan
8. Kawasan Johor Tenggara.

Walau bagaimanapun, sungguhpun kawasan-kawasan yang diistiharkan sebagai kawasan galakan tempatan itu ditumpukan kepada negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang saya sebut tadi, pihak Kerajaan menerusi Kementerian saya juga boleh menimbangakan kemungkinan mengisytiharkan kawasan-kawasan lain yang dianggap adalah tempat yang belum dimajukan langsung dari segi perkilangan perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha Kerajaan dalam penyebaran industri telah mendapat kemajuan yang saya anggap menggalakkan. Ini boleh dilihat dari angka-angka projek perindustrian yang

telah diluluskan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju:

Tahun	Bilangan projek yang diluluskan	Bilangan yang diluluskan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju
1971 ...	304	131 (43.1%)
1972 ...	355	136 (52.4%)
1973 ...	473	277 (58.5%)
1974 ...	525	332 (63.2%)
1975 ...	461	308 (66.8%)

Dalam hal ini juga, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mempergiatkan lagi usaha-usaha supaya lebih banyak lagi industri-industri ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut. Langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (a) Memberi keutamaan di dalam meluluskan projek perindustrian yang akan ditempatkan di kawasan kurang maju;
- (b) Mengkaji semula galakan cukai bagi projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut; dan
- (c) Membantu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri/Kerajaan Negeri untuk membuka kawasan-kawasan perusahaan di kawasan-kawasan kurang maju.

Di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan keadaan keselamatan di negara ini yang menjadi tandanya kepada para-para pelabur. Saya menyedari bahawa perkara ini memang berlaku bukan sahaja tandanya berbangkit ujud di dalam negara bahkan di luar negara kita. Di sini inginlah saya menegaskan sebagaimana yang telah ditegaskan oleh pihak-pihak lain bahawa keadaan keselamatan di negara ini adalah sentiasa terkawal dan tidak lama lagi saya sendiri akan mengetahui beberapa rombongan ke luar negeri untuk memberi penjelasan juga terhadap perkara ini, kepada pelabur-pelabur asing mengenai khususnya kedudukan keselamatan negara kita yang sebenarnya sebagaimana saya katakan tadi adalah terkawal.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt telah juga menggesa Kerajaan supaya mengurangkan red-tape di dalam memproses permohonan-permohonan untuk projek-projek perindustrian. Di sini, ingin saya menjelaskan bahawa saya sentiasa mengarahkan pegawai-pegawai saya supaya mengurangkan apa jua perkara-perkara yang boleh menghalang kelicinan perjalanan tugas-tugas mereka di Kementerian. Selalunya kelambatan memproses satu-satu projek perindustrian timbul apabila maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pelabur-pelabur tidak lengkap dan apabila perkara ini berlaku, maka terpaksa pegawai-pegawai saya menghubungi pemohon-pemohon tersebut untuk mendapatkan keterangan-keterangan yang lebih lanjut mengenai projek-projek yang dicadangkan itu. Saya ingin memberi jaminan di Dewan ini bahawa sekiranya keterangan-keterangan yang diberikan oleh para pelabur itu didapati lengkap, maka permohonan-permohonan tersebut akan diluluskan oleh Kementerian saya dalam masa 2 bulan dari tarikh penerimaan permohonan-permohonan tersebut. Jadi kalau sekiranya ada pihak yang berkenaan khususnya Ahli Yang Berhormat mengetahui perkara ini ada kelambatan berlaku oleh sebab selain daripada yang saya katakan tadi, saya menerima baik kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak lain untuk membawa kepada saya perkara ini dan saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya menyegerakan apa sahaja perkara-perkara yang telah dilambatkan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Ubaidulla telah juga membangkitkan masalah kekurangan jumlah pekerja-pekerja mahir di negara ini dan sukalah saya nyatakan di sini bahawa pakar-pakar asing boleh dibawa masuk ke negara ini sekiranya pengusaha-pengusaha dapat membuktikan kepada Kementerian saya bahawa pekerja-pekerja mahir yang diperlukan itu tidak boleh didapati di negara ini. Saya suka memberi jaminan di Dewan ini bahawa syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan oleh Kementerian saya akan diberi segala pertolongan untuk membawa masuk pakar-pakar asing untuk bekerja dengan syarikat-syarikat mereka. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya pekerja-pekerja tempatan diberi keutamaan di dalam semua pekerjaan dan hanya sekiranya pekerja-pekerja mahir tidak dapat dilantik

dari orang-orang tempatan, maka baharulah Kementerian saya membenarkan pegawai-pegawai asing bekerja di syarikat-syarikat tersebut.

Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga, ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan mengenai kekurangan penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Dalam hal ini, tak payahlah saya terangkan dengan panjang lebar tentang perkara ini kerana baru-baru ini dalam masa pertanyaan soal-jawab, perkara ini telah dibangkitkan dan saya telah memberi kenyataan yang panjang lebar tentang kedudukan penyertaan bumiputra pada masa ini seperti yang saya katakan tadi walaupun dibandingkan dengan penyertaan kaum lain masih jauh di belakang, walau bagaimanapun daripada hasil-hasil yang dirancangan yang telah ditaja dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, kemajuan dan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan khususnya adalah nampaknya menggalakkan dan segala usaha akan dijalankan juga seterusnya untuk menambahkan lagi bilangan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan di mana mereka boleh diberi segala kemudahan untuk mengambil bahagian. Kita berharap bilangan bumiputra di dalam bidang perniagaan yang saya anggap boleh diselenggarakan pada masa ini iaitu bilangan pengedar bumiputra di bidang perniagaan mengedar barang-barang keperluan seperti simen, besi waja, rokok, motosikal boleh kita tambah bilangannya lebih banyak daripada masa sekarang. Mengikut angka hari ini.

Jenis Barang	1973	1974
Simen	3	16
Besi Waja	29	53
Rokok	4	14
Motosikal	9	30

Di dalam perkara ini kita terus lagi mengadakan perhubungan dengan syarikat-syarikat yang berkenaan yang mengeluarkan ataupun sebagai pengedar besar barang-barang lain dan barang-barang yang telah saya sebutkan tadi dengan harapan supaya bilangan ejensi-ejensi pengedar dan wakil-wakil penjual daripada orang-orang bumiputra akan dapat diperbanyakkan lagi daripada masa sekarang ini.

Di dalam bidang perindustrian pula, dalam tahun 1971, hanya 14 projek Bumiputra yang dipunyai lebih daripada 50% oleh Bumiputra telah diluluskan. Angka ini telah meningkat kepada 24 dalam tahun 1972, 40 (1973), 57 (1974) dan 81 (1975). Equiti yang dikhaskan untuk Bumiputra berjumlah \$829.7 juta atau 29.7% daripada jumlah cadangan modal dibayar sebanyak \$2,791.2 juta.

Di dalam usaha untuk mempergiatkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian, berbagai langkah, sebagaimana yang telah saya nyatakan baru-baru ini di Dewan yang mulia ini, telah dan akan diambil oleh Kementerian.

Berhubung dengan peruntukan \$200 juta untuk membeli saham-saham Bumiputra sepertimana yang telah dinyatakan baru-baru ini dan juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini sedang merancang tatacara yang bersesuaian di dalam mengendalikan peruntukan sebanyak \$200 juta ini untuk membeli saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputra dengan sempurnanya.

Yang Berhormat Senator S. M. Vellayappa telah mencadangkan supaya dimajukan lagi Pulau Langkawi supaya pulau itu menjadi satu destinasi (target) bagi pelancungan. Sukacita saya maklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan mengadakan satu pengkajian Pelan Induk mengenai Pulau Langkawi. Pelan Induk ini bukan sahaja akan mengkaji potensi-potensi pelancungan yang ada di pulau itu, tetapi juga dari segi bagaimana potensi-potensi itu dimajukan untuk membolehkannya menarik pelancung-pelancung samada dari dalam ataupun dari luar negeri datang ke pulau itu. Pengkajian ini juga akan menyentuh kemudahan-kemudahan pengangkutan yang perlu diadakan bagi membolehkan pelancung-pelancung melancang ke sana. Dengan ini jelaslah bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator S. M. Vellayappa itu telahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Akhir sekali berhubung dengan aduan Yang Berhormat Datuk Mansor Mohamed bahawa Pesuruhjaya Perdagangan Kementerian saya di London tidak menjalankan

tugas-tugasnya dengan memuaskan, sukalah saya kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat datang berjumpa dengan saya memberi laporan penuh tentang perkara ini dan saya berjanji di sini bahawa selepas mendapat laporan yang lebih panjang dan mendalam berkenaan perkara ini saya akan menyiasat mengenai perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya aduan tersebut didapati betul. (*Tepuk*)

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Minta penjelasan. Sebagai yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi pakar-pakar luar negeri yang berkemahiran boleh membuat permohonan. Berapa lamakah permohonan itu boleh dapat diluluskan?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, suka saya nyatakan bahawa kalau tidak ada perkara-perkara yang rumit yang memerlukan kenyataan yang agak detail, biasanya kelulusan bagi pakar-pakar datang bertugas atau bekerja di kilang-kilang yang sedia ada itu memanglah diluluskan dengan secepat mungkin yang boleh. Tinggal lagi jika sekiranya ada kelambatan sebagaimana yang telah dinyatakan, perkara ini boleh diatasi dengan pihak-pihak yang mungkin mempunyai keraguan tentang perkara ini membuat rayuan kepada Jawatankuasa Menteri-menteri yang tugaskan oleh Jemaah Menteri untuk menapis dan menerima rayuan daripada pihak-pihak yang mempunyai rasa tidak puas hati dan keraguan di dalam hal ini dalam mana Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya sendiri dan Menteri Buruh adalah menjadi ahlinya. Kalau sekiranya rayuan itu didapati dengan segera, Jawatankuasa ini akan memutuskan rayuan itu dengan secepat mungkin yang boleh.

3.26 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga menyentuh sedikit sebanyak aktiviti dalam Kementerian saya ini.

Bagi menjawabnya saya sukalah menyatakan bahawa sebahagian besar daripada perkara yang dibangkitkan ini adalah perkara-perkara yang sama-sama kita maklum tentang maju mundurnya sesuatu perkara umpamanya dalam rancangan FELDA dalam soal pentadbiran tanah dan sebagainya.

Seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang dasar pemberian tanah supaya dilakukan dengan adil agar orang-orang miskin dapat menikmati pemberian itu dengan sebaik-baiknya. Memanglah menjadi dasar Kerajaan pada amnya tanah-tanah yang disediakan oleh Kerajaan di bawah mana-mana ejensi pun adalah diutamakan kepada pemohon-pemohon yang tidak mempunyai tanah, yang tidak mempunyai mata pencarian yang baik, ertinya pemohon-pemohon yang miskin. Ejensi-ejensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA malah RISDA juga ada membuka tanah melalui Kerajaan-kerajaan Negeri. Masing-masingnya telah melakukan tugas dengan sebaik mungkin supaya tanah-tanah tadi dapat diberikan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar miskin mengikut syarat-syarat yang dikandung di dalam undang-undang atau peraturan-peraturan FELCRA atau FELDA itu sendiri.

Ada Ahli Yang Berhormat Senator telah menyentuh tentang tanah-tanah yang direservakan atau tanah-tanah Reserve Melayu (Malay Reservation) yang makin sehari makin sempit katanya kerana dipecahkan untuk pembahagian kepada warith-warith. Beliau juga telah membentangkan masaalah li mana tanah-tanah itu menjadi sempit walau sekalipun banyak rancangan tanah dibuka tetapi mereka tidak mahu meninggalkan kampung halaman yang asal kerana empat yang mereka dapat atau yang dibuka tu jauh daripada kampung-kampung mereka. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, anah Malay Reservation tidaklah menjadi empit, sebab dia tidak berkurangan, sejak berapa lama pun jumlahnya begitu. Yang menjadi sempit ialah pemilikan seseorang itu akibat daripada pembahagian pesaka dan sebagainya. Walau bagaimanapun, peraturan tanah bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri telah ditentukan keluasan tanah yang boleh dipecahkan jika sekiranya dilakukan samada atas nama pembahagian pesaka, samada atas nama tolakan atau sebagainya, tidak

boleh sesekeping tanah itu dipecahkan lotnya kepada kecil daripada syarat minima yang telah ditetapkan oleh Undang-undang bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri itu. Sungguhpun begitu di dalam menentukan hak-hak warith ada juga dilakukan dengan cara meletakkan jumlah bahagian tanpa memecahkan lot itu sendiri. Hal ini sudah lama disedari oleh Kerajaan sendiri tetapi cara-cara mengatasinya masih dalam kajian sekarang ini supaya cara-cara itu tidak pula bercanggah dengan kehendak-kehendak yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Warith ataupun Undang-undang Pesaka di dalam undang-undang ugama Islam yang ada dalam negara kita sekarang ini.

Mengenai perkara banyak daripada mereka tidak sanggup meninggalkan tempat asal mereka kerana tempat pembukaan tanah itu jauh, ini dapat diatasi jika sekiranya ada kedapatan mereka itu yang benar-benar tidak mempunyai tanah ataupun tanah terlalu sempit sangat mereka boleh memohon melalui Kerajaan Negeri atau melalui Pegawai-pegawai Jajahan—Pegawai-pegawai Daerah di tempat masing-masing jika sekiranya ada dijalankan pembukaan tanah-tanah pinggir atau rancangan tanah pinggir dan sebagainya. Cara seperti ini dapat diatasi semangat mereka yang tidak hendak tinggal kampung halamannya itu, tetapi melihat kepada keadaan sekarang ini jelaslah kepada kita memang banyak rakyat kita yang semangatnya sudah agak lebih kuat sanggup meninggalkan kampung halaman masing-masing asalkan dapat sahaja di mana-mana pun rancangan tanah FELDA seperti yang sama-sama kita ketahui bahawa ada lebih kurang 18,000 lebih senarai menunggu dalam rancangan FELDA sekarang ini. Ini pun hendak diselesaikan memakan masa setidak-tidaknya tiga tahun lebih.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu ada juga menyentuh tentang nilai tanah Reserve Melayu ini rendah sangat—terlalu rendah kadangkala bank-bank pun tidak dapat terima untuk dijadikan bahan-bahan cagaran. Sebenarnya, dalam menentukan nilai harga tanah ini, tanah-tanah Reserve Melayu ini bergantung kepada beberapa faktor, bukan sahaja tanah Reserve Melayu malah tanah-tanah lain pun. Faktor itu ialah yang pertama sekali syarat nyata yang terkandung dalam geran itu. Yang kedua, samada kedudukan tanah itu

berhampiran dengan jalanraya ataupun sebaliknya. Yang ketiga, pembangunan di-sekitar tanah yang dimaksudkan itu. Berdasarkan kepada sekurang-kurangnya tiga faktor yang sebab inilah maka penilaian tanah itu dapat ditentukan, mengikut Undang-undang Malay Reservation Enactment, tuan-tuan tanah Reserve Melayu boleh membuat permohonan kepada pihak yang berkuasa Negeri untuk mencagarkan tanah masing-masing kepada mana-mana pihak termasuk bank dan biasanya pihak yang berkuasa Negeri tidak pernah menghampakan permohonan daripada tuan punya tanah itu, jika didapati bahawa tujuan untuk mencagarkan tanah kepada bank itu jelas dan nyata untuk pembangunan ekonomi dirinya atau sebagainya.

Ada juga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara kelewatan untuk mendapatkan geran apabila seseorang membeli tanah daripada pihak swasta ataupun seseorang itu mendapat tanah tetapi proses untuk mendapatkan geran itu lambat sangat. Perkara ini, memanglah kita sedar bahawa untuk mendapatkan geran itu memakan waktu yang agak panjang, tetapi tuan-tuan punya tanah yang membeli tanah atau yang telah mendapat tanah boleh memohon daripada pihak yang berkuasa bagi mendapatkan surat hak milik sementara atau Qualified Title (Q. T.). Dengan adanya Q. T. ini maka tidak timbullah lagi masaalah geran itu, sebab Q. T. ini nilainya sama dengan geran di mana dengan Q. T. dia boleh mencagarkan atau sebagainya, boleh dilakukan seperti dia ada memiliki geran. Adapun geran itu dapat dikeluarkan pada bila-bila masa apabila sahaja prosesnya telah dapat dilakukan.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dan Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo telah menyeru supaya diperbanyakkan lagi penyertaan kaum bukan bumiputra di dalam rancangan pembangunan tanah samada FELDA dan sebagainya. Mengenai perkara ini, saya sukalah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu bukan perkara baharu, telah kerap kali dibangkitkan di dalam Rumah yang mulia ini malah di luar-luar pun dibangkitkan sangat, seolah-olah menggambarkan bahawa rancangan pembangunan tanah sekarang ini tidak memberi satu gambaran yang jelas tentang dasar keadilan dilakukan oleh negara dan Kerajaan. Saya

suka menegaskan bahawa rancangan pembangunan tanah yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang ini tidak terhad kepada satu-satu kaum. Rancangan ini terbuka kepada semua kaum. Permohonan-permohonan adalah dibuka kepada semua kaum. Adalah diperhatikan bahawa jumlah pemohon-pemohon dari kaum bukan bumiputra sejak mula-mula dahulu lagi negara ini memperkenalkan rancangan pembukaan tanah jumlahnya terlalu kecil, sebab itulah apabila jumlah pemohonnya kecil, maka jumlah yang terpilih untuk memasuki rancangan tanah itupun kecil juga. Ini disebabkan pada masa-masa yang lalu minat dan perhatian kaum yang bukan bumiputra tidak tertumpu kepada soal-soal rancangan tanah, kerana sebahagian daripada mereka takut didisiplinkan oleh peraturan-peraturan dalam rancangan FELDA itu sendiri, tetapi sejak akhir ini nampaknya minat itu mulai mengembang dan nampaknya permohonan telah mulai bertambah dari satu masa ke satu masa. Dan apabila pemilihan dilakukan pada masa akan datang, tentulah akan dapat mencerminkan tentang jumlah pemohon itu sendiri berdasarkan juga kepada syarat-syarat kelayakan sebagaimana yang telah diperturangkan oleh FELDA itu sendiri.

Bagi menyentuh cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt supaya disediakan beberapa projek apa yang disebutkan sebagai collective farming dengan mengambil orang-orang miskin menyertai projek itu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak begitu jelas apakah yang dinamakan collective farming itu. Apakah collective farming itu sama dengan sistem commune di negeri China yang diatur oleh Kerajaan Peking sekarang ataupun suatu sistem collectivism—yang benar-benar mengarahkan kepada sistem socialism yang ada dalam theory sosialis sekarang ini, tidak begitu jelas. Jadi bentuk yang dinamakan collective farming itu tidak begitu jelas kata saya, kerana collective farming itu mungkin mempunyai interpritasinya sendiri, tetapi kalau maksudnya yang dinamakan collective farming itu orang miskin menyertai projek itu dan projek itu diatur sedemikian rupa supaya mereka dapat hidup dengan baik dan teratur mengikut peraturan disiplin dan sebagainya, cara yang seperti itu sudah pun berjalan

pada masa sekarang ini, baik dalam rancangan FELDA mahu pun dalam rancangan FELCRA terutamanya dalam rancangan belia yang dijalankan oleh FELCRA sekarang ini di mana cara kerjanya belia-beliau itu ialah secara collective, cara collective samada menebas-menebang atau membersihkan kawasannya, samada menyediakan makanan bersama, membuat ibadat bersama dan segala-galanya bersama, sebab mereka itu belum ada anak isteri dan sebagainya, tetapi apabila sampai ketikanya hasil itu dikeluarkan dan mereka pun telah berkahwin, bila mereka berkahwin tidak bolehlah hendak collective lagi, tempat tidur hendak collective, hendak makan collective—tidak boleh, jadi terpaksa dia kena ada rumah sendiri. Yang boleh di-collectivekan mungkin cara bekerja dalam rancangan itu sendiri. Sebab itulah saya katakan collective farming seperti yang disebutkan ini agak kabur, kecuali jika dijelaskan mengikut interperitasnya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan rasa tidak puashati terhadap arahan yang dikeluarkan oleh FELDA yang menghadkan bahawa bekas-bekas Pasukan Keselamatan yang telah berhenti lebih daripada 5 tahun tidak lagi diberi kemudahan untuk diterima sebagai peneroka dalam rancangan FELDA. Sambilan itu Ahli Yang Berhormat Senator itu telah juga menggesa supaya banyak lagi dibuka rancangan FELDA ini untuk bekas perajurit. Dalam hal ini saya suka menjelaskan bahawa sebenarnya tempoh 5 tahun yang diberi bagi bekas perajurit, ertinya dalam tempoh 5 tahun mulai ia berhenti daripada perajurit itu adalah satu tempoh yang khusus diberikan kepada bekas-bekas perajurit untuk memohon menjadi peneroka FELDA. Tempoh itu difikirkan satu tempoh yang sangat-sangat menasabah di mana dalam tempoh 5 tahun itu bekas-bekas perajurit mendapat peluang untuk membuat keputusan samada ia hendak peserta FELDA ataupun hendak memasuki rancangan-rancangan yang lain atau hendak mencari pekerjaan.

FELDA menerima beribu-ribu permohonan tiap-tiap tahun dan mereka yang memohon itu datangnya daripada golongan yang tiada bertanah dan berpendapatan rendah. Pada masa ini bekas perajurit

adalah diberi keutamaan untuk mengisi 20% daripada tempat-tempat yang disediakan di rancangan-rancangan FELDA. Sesungguhnya bekas-bekas perajurit sepatutnya menggunakan peluang 5 tahun itu dengan serta merta dan kemudahan untuk memasuki rancangan tanah FELDA tidaklah seharusnya dianggap sebagai satu pilihan terakhir oleh mereka itu. Jadi dalam masa 5 tahun itu mereka telah dapat berfikir. Kalau sudah mereka berikhtiar mencari kerja lain tidak dapat, usaha lain tidak dapat sampai 5 tahun tidak dapat, maka barulah ternampak FELDA ini-tidaklah salah FELDA. 5 tahun adalah satu waktu yang cukup. Setelah tempoh 5 tahun itu tamat mereka dibenarkan juga membuat permohonan tetapi permohonan itu adalah diberi pertimbangan yang sama dengan pemohon-pemohon biasa. Selepas 5 tahun sepatutnya bekas-bekas perajurit itu dianggap sebagai orang biasa (preman) dan ditimbang pun sama pemohon-pemohon dari golongan-golongan orang biasa (preman). Dalam tiap-tiap rancangan 20% tempat-tempat telah diuntukkan kepada bekas Pasukan Keselamatan. Daripada pengalaman FELDA lebih baik mereka itu ditempatkan di rancangan biasa kerana ini akan meletakkan proses mengintergrasikan mereka itu ke dalam masyarakat tani biasa. Adapun soal membuka tanah lebih banyak lagi pada masa akan datang, itu memanglah seperti Ahli Yang Berhormat itu mengetahui bahawa dalam Rancangan Lima Tahun Ketiga ini FELDA sahaja sebanyak 350,000 ekar akan membuka tanah untuk diberikan kepada rakyat di mana 20% daripadanya adalah diuntukkan kepada bekas-bekas perajurit, kecuali jika ada mana-mana tanah yang dikhaskan oleh mana-mana Kerajaan Negeri untuk bekas-bekas perajurit, itu bolehlah dilaksanakan seperti yang berlaku di Sungai Koyan.

Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah telah membangkitkan masalah harga minyak kelapa sawit atau harga sawit yang tidak seimbang di antara rancangan-rancangan FELDA antara satu rancangan yang satu rancangan lain. Beliau juga telah menyentuh tentang kemerosotan hasil yang diterima oleh peneroka-peneroka. Adalah sama-sama kita maklum bahawa harga minyak kelapa sawit adalah dipengaruhi oleh harga pasaran dunia yang mana tidak dapat dikawal oleh FELDA dan harga minyak itu bukan ditetapkan oleh FELDA.

Demikian juga jumlah hasil pengeluaran buah sawit adalah tertakluk kepada tahun pengeluaran tanaman sawit dan juga oleh musim. Ada musim melawas dan ada musim yang hebat. Ini bermakna tidak semestinya bayaran untuk hasil sawit sama bagi semua rancangan FELDA. Tertakluk kepada dua faktor di atas yang akan menentukan jumlah pendapatan seseorang peneroka tidaklah dapat dinafikan kadangkala pendapatan hitung panjang peneroka kadang-kadang tinggi dan adakalanya pula rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin telah membangkitkan masaalah kelambatan pembayaran progress payment kepada kontraktor-kontraktor bumiputra jika dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor bukan bumiputra. Saya suka menyatakan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak benar. FELDA mengadakan satu sistem di mana biasanya semua bil dan progress payment yang diterima olehnya dijelaskan dalam tempoh yang sesingkat-singkat mungkin. Kalau praktiknya FELDA sentiasa mendahulukan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor bumiputra, dikecualikan jika sekiranya bil-bil yang datang itu tidak seimbang dengan kerja-kerja yang telah dilakukan. Itupun mengikut sebagaimana pengalaman yang dilakukan oleh pihak FELDA tidaklah sampai kelewatan sangat bahkan pada masa sekarang ini susunan lebih teratur telah disusun di mana tidak adalah agaknya kontraktor-kontraktor samada bumiputra atau bukan bumiputra yang terpaksa menunggu di dalam masa yang lama untuk menerima bayaran progress payment seperti yang disebutkan itu. Sungguhpun begitu seperti kata saya tadi ada kes-kes yang tertentu sebelum FELDA membayarnya FELDA terpaksa menyasat terlebih dahulu kerja-kerja yang telah dilakukan. Ini bukan sahaja kepada kontraktor bumiputra malah juga kepada kontraktor-kontraktor yang bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat menyentuh perkara luas kawasan tanah FELDA kononnya akan diperkecilkan daripada 12 ekar kepada 6 ekar. Ini jawabnya tidak betul, tetapi sedang dikaji oleh FELDA sekarang ini luas yang 14 ekar bagi kelapa sawit dan 12 ekar bagi getah itu sedang dikaji supaya dikurangkan sedikit tidak sampai 6 ekar, mungkin kelapa sawit akan turun kepada 12 ekar dan getah akan

turun kepada 10 ekar bergantung kepada hasil kajian. Oleh sebab walaupun kita telah menaikkan 14 ekar baru-baru ini berdasarkan pandangan yang diberi oleh pihak Bank Dunia sebagai peminjam yang kepada Kerajaan kita, tetapi kita mempunyai hak sendiri untuk mengkaji supaya disamping untuk menambahkan pendapatan rakyat adalah juga untuk memberi peluang kepada seberapa banyak rakyat untuk dapat menyertai dalam rancangan tanah Kerajaan ini.

Berhubung dengan rancangan tanah ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan rancangan tanah patut dibuka di sempadan Malaysia Thai untuk menempatkan bekas-bekas anggota Pasukan Keselamatan. Perkara ini sedang dalam kajian Kerajaan. Apabila kajian telah selesai dan tanah-tanah yang menasabah didapati, insya Allah, akan dijalankan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang kononnya harga projek FELDA terlampau tinggi. Suara yang seperti ini saya anggap sebagai satu suara sumbang. Pernah dibangkitkan juga di luar daripada Majlis ini tentang data-data yang tidak tepat, tidak betul dan tidak sebenarnya sebagai satu tuduhan bahawa FELDA telah mengguna atau telah membelanjakan dengan harga yang paling tinggi bagi menyempurnakan projeknya, sebab mereka yang bercakap seperti demikian barangkali tidak sempat mengkaji hakikat yang sebenarnya. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk FELDA sejak bertahun-tahun itu untuk membuka rancangan tanah yang begitu luas yang dapat memasukkan peneroka-peneroka berpuluh-puluh ribu lebih, sekarang ini peneroka dapat masuk lebih daripada 30,000 dan kawasan yang sedia hendak dimasukkan dalam masa tidak berapa lama lagi mungkin akan dapat mengisikan setidaknya 5,000 keluarga peneroka lagi. Sambil itu harga projek yang digunakan untuk memajukan FELDA ini bukan sahaja faedahnya didapati oleh peneroka FELDA tetapi juga negara dari sudut ekonomi negara itu sendiri. Sebab itu bagi Ahli Yang Berhormat yang tidak puashati yang masih lagi terasa terguris di hatinya bahawa harga projek FELDA terlampau tinggi, pihak Kementerian saya sedia mengaturkan supaya beliau dan kawan-kawannya dapat dibawa ke Bilik Gerakan FELDA dan kita bersedia memberikan penjelasan sedetail-detail yang boleh, jika dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa pengambilan peserta FELDA tidak menggambarkan dasar Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar, kampung-kampung baru dan juga di estet-estet. Saya rasa ini pun tidak benar dengan kerana waktu kita memilih peneroka-peneroka semasa memasuki rancangan FELDA bukan kita tentukan ini orang luar bandar, ini orang kampung baru, ini orang estet, ini orang dalam bandar, tidak, tetapi ke semuanya itu dihitungkan di atas syarat-syarat kelayakan masing-masing mengikut senarai keutamaan. Oleh itu, tidaklah berbangkit masalah itu. Demikian juga Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara Farm Enterprise seperti yang disebutkan dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga. Konsep dari Farm Enterprise ini ialah yang pertama sekali supaya peserta-peserta dapat masuk rancangan lebih awal dan dengan yang demikian supaya Kerajaan dapat mengurangkan kos ataupun belanja bagi projek itu. Pilot project sedang dirancangkan sekarang ini, Insya Allah, FELDA akan cuba melaksanakannya. Dengan mendahulukan peserta masuk lebih awal, tidak seperti sekarang ini, maka Kerajaan atau FELDA akan dapat mengurangkan perbelanjaan pembangunan itu dengan kerana tidak payah lagi kita beri kontrek untuk menjaga ladang-ladangnya. Sebenarnya, Rancangan seperti ini satu rancangan yang baik dan sudah dikaji oleh pihak Kerajaan dengan sematang-matangnya. Walau bagaimanapun, supaya satu-satu rancangan itu dapat diyakinkan akan berjaya se maksima mungkin. Pilot Projek mestilah disediakan. Dan sekarang pihak Kementerian bersama-sama dengan FELDA sedang menyusun cara-cara untuk melaksanakan satu Pilot Projek sesuai dengan maksud Farm Enterprise seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

3.52 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengulung perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga mengenai rancangan-rancangan kesihatan, suka saya menyatakan bahawa Kementerian saya telah menitikberatkan penyiaran perkhidmatan kesihatan di

kawasan-kawasan luarbandar di mana dahulunya kemudahan-kemudahan kesihatan kurang jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam bandar. Dalam pada itu, saya hendak menegaskan di sini kemudahan-kemudahan dalam bandar juga diperbaiki dan dimajukan. Tekanan yang diberi untuk meninggikan mutu perkhidmatan di kawasan luarbandar ini akan terus diperhebatkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana Kementerian saya telah mencadangkan perbelanjaan sebanyak \$350,000,000 bagi tempoh 5 tahun Rancangan itu.

Misalnya, Kementerian saya berusaha mempertingkatkan kesihatan di kawasan-kawasan luarbandar dengan membanyakkan lagi Pusat Kesihatan Besar di mana akan ditempatkan seorang Pegawai Perubatan dan seorang Doktor Pergigian di tiap-tiap satu Pusat. Rancangan memperbaiki mutu makanan atau (Applied Food and Nutrition Scheme) yang telah berjalan dalam Rancangan Malaysia Kedua sebagai langkah percubaan akan diperluaskan untuk memberi nikmat kepada bilangan yang lebih di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, akan memperluaskan lagi penyampaian bekalan-bekalan air di kawasan luarbandar bagi tempat-tempat yang terpencil dan sukar mendapat bekalan air yang sesuai. Di bawah Rural Water Supply Scheme, peruntukan sebanyak \$7.17 juta telah disediakan dan jumlah ini mungkin tidak mencukupi, dan jika perlu, saya akan mengemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menambahnya apabila rancangan ini disemak dari setahun ke setahun.

Kementerian saya juga akan cuba meninggikan lagi mutu perkhidmatan rawatan perubatan dan kesihatan dengan menambah bilangan pekerja-pekerja professional dan separa professional supaya lebih ramai lagi bilangan mereka dapat ditugaskan di hospital-hospital daerah dan klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan di luarbandar.

Saya sedar kesulitan untuk mendapatkan bilangan doktor yang lebih ramai kerana banyak di antara pihak mereka yang cenderung untuk berkhidmat di lapangan swasta. Antara lain disebabkan pendapatan

yang lebih dan juga mereka tidak perlu berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain mengikut kehendak perkhidmatan dan di lapangan swasta mereka boleh memilih untuk berkhidmat di bandar-bandar yang besar. Bagi mengatasi kedudukan yang seperti ini, Kementerian saya berusaha memperbaiki lagi syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor, tetapi oleh kerana mereka adalah sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan, maka syarat-syarat perkhidmatan mereka itu adalah berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekarang ini perkara gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan sedang dikaji oleh Suruhanjaya Gaji Di Raja Ibrahim Ali. Bagaimanapun, Kementerian dari setahun ke setahun, lebih-lebih lagi bagi dua tahun yang sudah, telah dapat menambah beberapa jawatan tertinggi dan memberi harapan peluang kenaikan pangkat yang lebih bagi pegawai-pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga telah berusaha untuk menggalakkan latihan-latihan post-graduate diadakan di dalam negeri ini dan menggalakkan supaya diadakan peperiksaan post-graduate di tanah air untuk mendapat Ijazah MRCP, FRCS, DPH dan lain-lain. Bagi membolehkan doktor-doktor untuk menduduki peperiksaan yang tidak dianjurkan di dalam negeri ini, mereka telah diberi kemudahan cuti tidak bergaji sehingga setahun, istimewa bagi doktor-doktor sahaja. Sungguhpun usaha-usaha ini telah dijalankan, Kementerian saya sedar bahawa biasanya pendapatan doktor-doktor dalam swasta adalah lebih lumayan daripada pendapatan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan.

Dengan rancangan-rancangan yang akan dijalankan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya berharap Kementerian saya bukan sahaja akan dapat memperluaskan perkhidmatan rawatan dan kesihatan supaya perkhidmatan ini dapat dinikmati oleh bilangan rakyat yang lebih ramai tersibar di dalam bandar dan juga di luarbandar. Di samping memperluaskan penyibarannya Kementerian saya juga berharap akan dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan rawatan dan kesihatan supaya pesakit-pesakit akan mendapat layanan yang lebih

memuaskan dan juga bantuan dan rawatan yang akan memberi kesempatan yang lebih untuk pulih semula, dan bagi mereka yang sihat, supaya kesihatan mereka terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri General Abdul Hamid Bidin telah menyatakan mengenai pembayaran yang dikenakan di bawah perintah bayaran terhadap bekas-bekas perajurit. Sukalah saya memaklumkan bahawa apabila perintah itu dirangka pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan ada bersama-sama memberi penasihat kepada jawatankuasa yang merangkakan perintah itu. Jawatankuasa tersebut adalah mengandungi ahli-ahli dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan seperti berikut:

- (i) Pegawai-pegawai kanan Kementerian saya;
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (iii) Perbendaharaan;
- (iv) Jabatan Peguam Negara.

Kementerian dan Jabatan lain seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga diminta hadir untuk memberi pandangan dan nasihat tentang ahli-ahli tentera, polis dan sebagainya. Walau bagaimanapun pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji semula beberapa peruntukan yang terdapat di dalam perintah itu. Saya akan meminta Kementerian Pertahanan memberitahu Kementerian saya sesuatu perubahan syarat-syarat perkhidmatan atau tanggagaji di kalangan anggota-anggota tentera supaya dengan itu pihak Kementeraian ini dapatlah meminda kadar bayaran rawatan hospital bagi bekas-bekas anggota tentera daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saudah mengatakan bidan kampung tidak mendapat apa-apa sugu hati daripada Kerajaan sehingga sekarang. Beliau mengesyorkan supaya sugu hati diberi misalnya lima hari bagi tiap-tiap kes bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran dari Ahli Yang Berhormat itu tentang bayaran sugu hati kepada bidan-bidan kampung, sukalah saya menerangkan bahawa Kementerian saya tidak bercadang memberi sugu hati kepada bidan-bidan kampung. Cara ini bertentangan dengan matlamat

Kementerian saya untuk membaiki lagi perkhidmatan perbidanan di sekitar luar bandar. Kementerian saya telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mencapai matlamat ini dengan cadangan-cadangan meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kelinik-kelinik Desa baru akan dibina dan Kelinik-kelinik Bidan akan ditukar menjadi Kelinik-kelinik Desa supaya perkhidmatan perbidanan boleh didapati di tempat-tempat terpencil di mana belum ada lagi perkhidmatan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir membangkitkan perkara Menteri-menteri tidak menyiasat kes-kes aduan dari orang ramai. Ahli Yang Berhormat ini mengambil Kementerian Kesihatan sebagai satu contoh. Beliau menegur Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menyiasat kes-kes kelewatan mendapat rawatan dan ubat-ubat. Ada kalanya pesakit-pesakit terpaksa menunggu terlalu lama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran ini, sukalah saya tegaskan di sini bahawa segala aduan-aduan yang diterima dari orang ramai memanglah disiasat oleh Kementerian saya. Yang Berhormat tentulah dapat menghargai bahawa sesuatu penyiasatan itu memakan sedikit masa. Tentang kelewatan mendapat rawatan dan ubat-ubat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum oleh kerana bayaran yang dikenakan bagi Jabatan Pesakit Luar hanya 50 sen dan ubat-ubat yang diguna adalah ubat-ubat moden, maka bilangan orang-orang awam yang datang ke hospital-hospital atau pusat-pusat kesihatan besar dan pusat-pusat kesihatan kecil adalah bertambah. Dengan sebab itulah terdapat sedikit sebanyak kelewatan. Suka saya memaklumkan bahawa pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera sememangnya diberi keutamaan.

Teguran daripada Yang Berhormat Senator Joseph Unting. Beliau berkata lawatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan bandar. Beliau meminta supaya lawatan juga dibuat ke kawasan-kawasan di luar bandar untuk mengetahui keadaan sebenarnya. Beliau juga meminta supaya lebih banyak hospital dibina di kawasan luar bandar dan perkara ini hendaklah dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya khasnya di Negeri Sarawak dan di Negeri Sabah semua kawasan yang terpencil itu saya telah membuat lawatan sendiri dengan menaiki helicopter bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan. Setiap division di Sarawak dan juga division di Sabah telahpun dilawati bukan sahaja oleh saya sendiri akan tetapi juga pegawai-pegawai kanan yang bertugas di Kementerian saya serta juga pegawai-pegawai kanan yang bertugas di Negeri Sarawak dan Sabah. Jadi, teguran daripada Yang Berhormat itu tidaklah benar. Barangkali di dalam lawatan Menteri semasa sampai di kawasan itu, Yang Berhormat sendiri tidak ada di kawasan itu. Ini telah menimbulkan satu masalah dan saya harap pada masa yang datang jikalau Menteri-menteri membuat lawatan khasnya Menteri di bawah Kementerian ini ke Sabah dan Sarawak, saya berharap semua pemimpin-pemimpin khasnya Senator-senator daripada Sarawak dan Sabah akan bersama-sama dengan Menteri supaya pada masa itu mereka bolehlah menyampaikan apakah masaalah-masaalah yang benar kepada saya supaya saya akan mengambil perhatian yang berat juga akan memberikan keputusan di situ. Jadi tidak payahlah menunggu sehingga bercakap mengenai apa apa masaalah yang dihadapi di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya lebih banyak hospital dibina di kawasan luar bandar. Saya mengambil peluang di sini memberitahu kepada Yang Berhormat itu pada masa ini sebuah hospital di Serian sedang dibina dan kemajuan yang dicapai setakat ini ialah 80% dan juga sebuah Hospital Daerah baru telahpun dirancangan bagi daerah Limbang dan tender akan dipanggil tidak lama lagi. Sebuah hospital baru telah juga dirancangan bagi daerah Saratok. Tanah telah diperolehi dan bagi maksud ini pembinaan akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga setelah rancangan diselesaikan. Hospital-hospital daerah yang sedia ada telahpun diperluas dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja jawapan saya pada petang ini. Akhirnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil masa sedaya upaya untuk

menyampaikan pandangan-pandangan ber-caitan dengan Kementerian saya dan saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini supaya memberi kerjasama yang rapat dengan pegawai-pegawai saya serta saya sendiri. Dengan tu, saya ucapkan ribuan terima kasih.

4.11 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa teguran serta cadangan kepada Badan-badan Berkanun dan juga Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang Kementerian saya cuba hendak menyelaras dan mengawasinya. Saya tidaklah dapat hendak menjawab semua perkara yang dibangkitkan itu cuma satu dua sahaja yang saya akan sentuh. Yang lain-lain itu saya ambil ingatan dan insya Allah kami akan melaksanakan setakat mana yang boleh dan seberapa boleh yang kami dapat buat.

Berkaitan dengan rancangan pembangunan Tanjong Tokong yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid, sukacita saya memberi penjelasan di atas kedudukan projek itu yang sebenarnya. Projek pembangunan kawasan Tanjong Tokong ini telah ditimbulkan semasa Jawatan Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak ke Pulau Pinang pada bulan April, 1972. Tujuan utama projek itu adalah:

- (1) Memberi keadaan kehidupan yang lebih sempurna terutama perumahan kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut; dan
- (2) Mengadakan peluang-peluang pekerjaan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Mula-mula tugas ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Negeri dalam tahun 1973 telah menjemput UDA untuk turut serta dalam projek ini. Kawasan projek Tanjong Tokong ini mempunyai keluasan kira-kira 40 ekar. Setelah dibuat kajian didapati adalah lebih ber-ekonomi sekiranya projek ini dilaksanakan secara satu projek (package) yang dimajukan berserta dengan kerja-kerja menambus tanah (reclamation) kawasan pantai yang luasnya kira-kira 100 ekar. Ini adalah

disebabkan di kawasan seluas 100 ekar itu apabila dikambus dengan tanah (reclaimed) akan dapat dijadikan kawasan perdagangan dengan didirikan projek-projek pelancungan dan perdagangan bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Tanjong Tokong itu. Disamping itu kawasan seluas 40 ekar tadi dipatlah dijadikan kawasan-kawasan perumahan bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk kawasan tersebut. Persetujuan awal yang dicapai di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan UDA di mana kawasan perumahan seluas 40 ekar itu akan dimajukan oleh UDA dan UDA juga akan berpeluang mengambil bahagian di dalam pembangunan kawasan pantai seluas 100 ekar itu. Bagi kawasan seluas 40 ekar itu UDA telah menyediakan satu konsep pembangunan iaitu pembinaan 315 yunit rumah berderet, 5 blok flat 4 tingkat, 6 blok flat 12 tingkat, tempat rumah corak kampung 27 buah. Sehingga tarikh ini belum ada sebarang keputusan positif yang tercapai dari Kerajaan Negeri mengenai pengambilan bahagian UDA dalam pembinaan kawasan pantai seluas 100 ekar itu maka pembinaan projek Tanjong Tokong menurut konsep di atas tadi telah tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu satu konsep lain pula akan digunakan.

Menurut konsep baru ini sebahagian daripada kawasan perumahan itu akan dijadikan kawasan perumahan dan separuh lagi akan dijadikan kawasan perdagangan (commercial). Dalam konsep baru ini hanya rumah-rumah pangsa sahaja akan dibina. Kawasan perdagangan itu akan dimajukan bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk tempatan.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Abdul Rahim Manan adalah tidak benar kerana setakat ini UDA telahpun dapat menempatkan seramai 583 peniaga-peniaga bumiputra di kedai-kedai dan ruangniaga-ruangniaga di sekitar bandar Kuala Lumpur ini. Ruangniaga-ruangniaga yang diadakan itu ialah ditempat-tempat yang strategik seperti di kompleks perniagaan. Di Komplek perniagaan Ampang Park sahaja sebanyak 38 ruangniaga adalah diusahakan oleh Bumiputra. UDA di samping mengadakan ruangniaga juga menolong bumiputra dalam mengubahsuai ruangniaga-ruangniaga itu dan juga membeli alat-alat (equipment) yang diperlukan. Mengadakan kedai-kedai

dan ruangniaga-ruangniaga dibandar lain akan diusahakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga Peruda iaitu syarikat usahasama UDA dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Menyentuh tentang teguran dari Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah mengenai kemudahan tempat menjalankan perniagaan di negeri Trengganu, saya suka menyatakan di sini iaitu MARA akan membina banyak lagi gerai-gerai kecil bagi menyediakan kemudahan tempat-tempat perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil di seluruh negara termasuklah negeri Trengganu. Rancangan ini akan dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan tumpuan khusus di bandar-bandar dan pekan-pekan kecil. Bagi pembinaan kedai-kedai lebih besar terutama di bandar-bandar akan terus dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan UDA. Bagi negeri Trengganu sehingga Disember, 1975 MARA sahaja telah mengadakan Aked satu projek 64 unit, gerai satu projek 5 unit, rumah kedai 2 projek 9 unit, bazaar 2 projek 25 unit. Bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Trengganu di antara 1971 hingga 1975 telah menyediakan 32 unit kedai berharga \$645,000.

Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan hanya tentang masa yang diambil oleh MARA meluluskan dan mengeluarkan wang-wang pinjaman, bukanlah mengenai peranan MARA, kerana peranan yang dimainkan oleh MARA adalah jelas. Masa 5-6 bulan yang diambil oleh MARA yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mungkin telah berlaku dimasa-masa yang lampau. Pada masa ini perkara begini tidak berlaku lagi. Wang pinjaman yang dikeluarkan memakan masa hanya lebih kurang satu bulan dan selebih-lebihnya dua bulan.

Mengenai teguran yang lain daripada Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab di sini, sukacita saya maklumkan iaitu teguran-teguran itu adalah mendapat perhatian dan tindakan dari Kementerian ini. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

4.20 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat ulasan dan memberi syor-syor di Dewan yang mulia ini terhadap perkara-perkara berkaitan dengan program perumahan dan kemajuan perkampungan sebagai terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberi jawapan saya dalam bahasa Inggeris, sebab jawapan saya adalah sedikit teknikal.

(Dengan izin) I wish to state that the Government has for some time been aware of the problems as were brought up by Honourable Members and I, therefore, appreciate the views expressed by them. Based on information available and taking into account of our national resources including financial, manpower and technology, the Government has laid out the national programmes in housing and village development in a pragmatic manner.

As Honourable Members are aware, according to the Constitution the matters of land and housing are the responsibility of the States, except in the Federal Territory. There are States which have yet to develop the capacity and capability to overcome their problems in dealing with their shortage of housing despite their awareness and determination to overcome such constraints. For that reason the Federal Government, through my Ministry, has allocated a bigger sum under the Third Malaysia Plan and also establish a National Housing Department to help the States overcome their respective problems in the shortest possible time.

We are aware that despite these measures, we still require the positive participation of the people and the desired efficiency in the administrative and development machinery to make the projects successful. To increase such efficiency is one of the major functions of my Ministry. I must say, however, that even if we are successful in achieving such efficiency, the speed or the delay in getting the housing projects implemented in the various States will still depend on many other factors. The State's ability to prepare the project sites, the cost of tenders, the supply of building materials, the efficiency of the contractors and builders as well as the

management efficiency of the respective State Governments themselves are factors which simply cannot be overlooked.

In addition to low-cost public housing projects, the Federal Government has also asked the States to provide developed home-sites complete with the necessary infrastructure, such as access roads and water supply, to enable the people, especially the lower income group, to build their houses. We are aware that there are States that have already done so. But we are also aware that alienation of land for housing purposes have still to be accelerated due to the excess of demand over supply. Furthermore, there are also the areas already alienated for housing purposes which are still to be provided with the necessary infrastructure. Where possible and practicable, the provision of such infrastructure is being accelerated. In such an exercise squatter areas and the rural areas are not ignored but given adequate emphasis compatible to the national stress.

Apart from this, the Government is also aware of the capabilities of the people themselves. As has been demonstrated by many rural population much of the basic needs such as shelter, roads and water supplies were mainly the outcome of the efforts of the people themselves and done with the minimum Government efforts. Self-reliance is a characteristic common to many of our people. It provides the strength and resilience contributing to the development of many of the villages and small towns throughout the country. It can be said that a big portion of the national housing stock and other development progress in the villages are the outcome of the people's own initiatives. The Government appreciates such participation by the people, and will continue to provide the necessary assistance to them according to the objectives of the New Economic Policy.

In so far as housing as provided by the private sector is concerned (including those done by the estate managements and housing developers), the necessary measures under the existing laws are being taken or enforced. For the housing development intended for the general public, the Nation needs private housing developers who are responsible and not merely profit-prone. We need private developers whose participation and contribution can be beyond those which they are

accountable under the relevant legislations. Although they have shown to be positive yet I feel that their contributions can be a lot more, especially to gear their development to the appropriate target group of house-seekers.

As far as I can see, the overall shortage of housing is confined mainly to the low and the lower-middle income groups and many private housing developers have yet to demonstrate that they seriously want to meet the effective demand of such groups. They can only help overcome the problem if they could lower the prices of their houses to meet the needs of people who do not qualify for public housing but can afford only to meet the \$10,000 to \$25,000 price range. Some private developers, however, do not cater for such a group while others purposely included luxurious items in the houses provided by them and thereby caused the price to increase beyond such a range.

We are aware that there are many people who need houses badly do not require houses with expensive finishings or luxurious items. What they need is decent shelter; a basic requirement in conformity with human dignity. Houses provided by the private sector can be made affordable to such lower income groups if there are more housing developers who carry out their business well and, at the same time, take into account of the greater demand of society as a whole and its implications to national security.

My Ministry has adopted a number of measures to make licensed private developers aware of this objective. But in the final analysis, the private developers themselves have to realize. Society as a whole, however, should give the Government its support. Their influence on the market in housing development can ensure the private sector to provide housing which would benefit all category of consumers.

Indeed a more positive recognition by the private sector as a whole over the concern of the house-seeking public, especially concerning the effective demand of the greater number and not just a minor portion of them, appears still wanting. We do not want irresponsible public opinion to emerge on housing development. We already have the desired channels of communication on this subject and also a

organised consumer movement. To my mind, the private sector (especially the housing developers and estate managements) can gain advantage by following the views expressed in both Houses of Parliament, and regard such views as indicators of responsible public opinion; and accordingly adjust their investment strategies in housing development.

Tuan Yang di-Pertua, mention was also made on the housing development which were the outcome of joint ventures and I take it that they referred to those undertaken by public agencies at State and Federal levels either as activities of statutory bodies or their subsidiaries. At this stage I wish to clarify that the Ministry concerned (the Ministry of Public Enterprises) is already aware of the distortions and is taking the necessary action to ensure that the objectives of such joint ventures would be realized as planned. And that there are joint ventures in housing development that have managed to produce housing at reasonable prices.

To my mind, in their early stages of development such joint ventures are bound to suffer, especially because of their newness vis-a-vis their established partners and also the relatively less experienced public officials involved in such ventures. I am, however, glad that the Honourable Member had brought up this subject because the Government has certain hopes on these public-private sector joint ventures. Apart from providing the desired training element for public officials (especially Bumiputras) they should also become price leaders to influence the housing market by making the price stable and reasonable. At the same time, the category of housing provided by them should be such that would meet the requirements and affordability of the bulk of the house-buyers that the Government is concerned about and that such supply be made at the appropriate areas and time.

What I have said, therefore, is an indication that the Government does take a serious view of public-private sector joint venture organisations whose record of housing development fall far short of Government expectations. Of course, in any evaluation of their performances the Government does not ignore the necessity of time for them to gain enough experience and expertise or

the consideration that, at times, they might have to perform certain functions beyond their normal stipulated activities.

As regards matters concerning Village Development which have been touched upon by a number of Honourable Members, I wish to say that the Government is determined to provide greater improvements to our villagers, especially those which are experiencing problems of security and also where population which are encountering the problems of poverty and lack of requisite facilities.

At this stage of our national development there are a number of our villages, including some new villages in proximity of growth centres and big cities which have and are deriving benefits and opportunities attendant to the industrialisation and other development process. Compared to those isolated villages—whether new villages or traditional kampungs—these villages, being close to areas of development, can be considered to be fortunate and many of the people are already taking the available opportunities in the various industries, employment as well as from the benefits derived from other development. It is, therefore, appropriate that priority should be given to those villages which have not yet derived such benefits.

Besides the factors which I have mentioned earlier, factors such as the need to create awareness amongst the new villagers, the creation of Village Development and Security Committees, as well as to inculcate the spirit of self-reliance amongst them are also considered important by our Government. The efforts by the Government or the amount of funds provided by us should not be the sole criteria in considering the development of our villages. The efforts of the people themselves are also important, as have already been illustrated in a number of traditional kampungs where much progress have been achieved. And where the outcome of such a progress contains a proper balance between material and spiritual development. It is a balance between these two elements what the Government strives to achieve in our villages development.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu Kementerian saya dalam usahanya, terutama

ntuk menyedarkan golongan-golongan pe-
aju perumahan dan juga rakyat di
ampung-kampung sebagai yang saya hurai-
an tadi. Ancaman pihak musuh dan anti-
national adalah berat. Kita ketahui kini
ereka menggunakan issue-issue perumahan
erta kemajuan perkampungan dalam daayah
ereka. Kita hendaklah menghindar mereka
engelirukan rakyat daripada keadaan
ang sebenar. Kerumitan yang ada boleh di-
tasi kerana Kerajaan berazam memenuhi
bjektif-objektif yang termaktub di dalam
ancangan Malaysia Ketiga. Marilah kita
upuk rakyat supaya mereka dapat men-
apai kemakmuran dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang
berhormat, mesyuarat dtempohkan selama
5 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul
3.34 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul
3.50 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)

4.50 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang
di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Men-
teri, saya mengucapkan berbilang terima
kasih di atas teguran dan komen yang di-
bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat
kekalian berkenaan dengan Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri. Saya tidaklah ber-
cadang hendak menjawab satu-persatu
hujjah-hujjah yang dikemukakan kerana se-
bahagian besar daripadanya telahpun di-
jawab samada menerusi jawapan-jawapan
bertulis ataupun secara lisan sepanjang
persidangan Dewan ini berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan
keadaan keselamatan negara memanglah
Kerajaan menumpukan perhatian berat untuk
memperhebatkan lagi usaha menghapuskan
anaisir-anaisir anti-national terutamanya
mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan
kominis. Kerajaan sedar bahawa kominis-
kominis ini sedang memperhebatkan ke-
giatan-kegiatan mereka tetapi kita ada ke-
mampuan nutuk menghadapi dan mengawal
ancaman-ancaman mereka. Di samping itu,
pegawai-pegawai Polis juga bekerjasama

dengan badan-badan Islamiah yang mengem-
bangkan ajaran-ajaran Islam sebagai alat
untuk menghapuskan ancaman kominis.
Kursus-kursus untuk anggota-anggota dan
pegawai-pegawai Polis sering dijalankan di
Pusat Islam di Kuala Lumpur. Kursus ini
sangat memberi faedah dalam melengkapkan
diri untuk menjalankan tugas terutama
sekali terhadap ancaman kominis.

Berhubung dengan sasaran untuk melahir-
kan perpaduan yang tulen pada rakyat dan
menghapuskan perbezaan ekonomi di antara
yang kaya dengan yang miskin maka Ran-
cangan Malaysia Ketiga adalah satu contoh
usaha Kerajaan menuju ke arah itu.

Mengenai peristiwa Simpang Pertang yang
dibangkitkan, sebenarnya pihak Polis telah-
pun mengambil langkah-langkah tertentu
untuk mengelakkan peristiwa yang serupa
tidak berlaku lagi. Mengenai soal penalti
yang dikenakan kepada penjenayah yang
telah dibangkitkan sebagai out-dated, yang
sebenarnya Kementerian ini telah mengambil
langkah-langkah tertentu dan telahpun me-
minda beberapa akta atau ordinan dan
peraturan-peraturan untuk menyesuaikan
dengan keadaan sekarang. Dan dari masa ke
semasa beberapa akta dan lain-lain peraturan
juga sedang dikaji untuk dipinda bagi
menyesuaikan dengan keadaan dan perkem-
bangan satu-satu ke satu masa.

Dakwaan yang menyatakan bahawa se-
seorang mata-mata yang telah sampai
maksima atau seseorang Inspektor yang telah
sampai maksima misalnya 25 tahun bekerja,
menunggu lima tahun tidak mendapat tangga-
gaji baru. Ini tidaklah benar. Yang sebenar-
nya, semua anggota Polis daripada Constable
kepada Ketua Inspektor adalah mendapat
faedah daripada tanggagaji baharu sebaik
sahaja tanggagaji baharu dilaksanakan
kelak. Perkara ini sedang diperkembangkan lagi
oleh pihak Kerajaan dan tunggulah tidak
berapa lama lagi akan diumumkan detail-
detailnya oleh pihak Kerajaan.

Berhubung dengan kemudahan-kemudahan
bekas Polis, adalah menjadi dasar Kerajaan
memberikan perhatian yang berat pada
anggota-anggota bekas Polis dari segi ke-
bajikan, peluang-peluang pekerjaan dan juga
peluang-peluang dalam bidang ekonomi
untuk menampung kehidupan keluarga-
keluarga mereka setelah berhenti daripada
perkhidmatan Kerajaan. Selaras dengan ini

satu bahagian khas bekas Polis telahpun ditubuhkan pada akhir tahun 1972 di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana khusus untuk mengendalikan bekas Polis, umpamanya, menolong mereka mendapatkan rancangan-rancangan tanah dalam FELDA, pekerjaan-pekerjaan dan juga berniaga dan juga perkhidmatan sosial dan sebagainya.

Berhubung dengan rasa tidak puas hati ke atas dasar Kerajaan memindahkan orang-orang asli ke sempadan Thailand dan juga orang-orang asli mendapat amat sedikit faedah daripada projek-projek pembangunan yang telah dijalankan, ini tidaklah tepat dan sebenarnya tidak ada perpindahan orang asli ke kawasan sempadan negeri Thai. Apa yang dilaksanakan ialah memindahkan mereka di kawasan-kawasan perkampungan yang telah dipilih dengan mengambil perhatian kehendak-kehendak orang-orang asli sendiri. Misalnya, di Negeri Perak seperti kawasan Pos Kemar dan juga satu lagi di Sungai Dala bagi kepentingan keselamatan dan juga bagi kepentingan mereka itu sendiri adalah baik mereka ini dikumpulkan di satu-satu projek penempatan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$21 juta telah diperuntukkan bagi program-program pembangunan untuk sosial dan ekonomi bagi orang-orang Asli. Peruntukan ini lebih besar daripada peruntukan yang diperolehi dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Berhubung dengan rasa tidak puas hati tentang kelambatan memproses dan memberi keutamaan tentang pemohon-pemohon kewarganegaraan, saya sukalah memberitahu bahawa pihak Kementerian ini adalah sentiasa berusaha mengendalikan kerja memproses semua permohonan kewarganegaraan dan boleh dikatakan tiap-tiap hari banyak permohonan itu diterima dan diproses. Sekiranya berlaku kelambatan adalah ini mungkin disebabkan query-query yang kita hantar balik bagi sipemohon untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Seperti yang kita ketahui soal kerakyatan ini adalah satu perkara yang sangat penting kepada negara kita dan tidaklah boleh kita beri satu-satu sijil kerakyatan itu dengan sewenang-wenangnya. Tambahan pula Pejabat Pendaftaran Negara iaitu di bawah Kementerian ini juga sedang menghadapi beban yang baharu iaitu disebabkan oleh

kerja-kerja mengeluarkan kad-kad pengenalan berkaitan dengan Undang-undang Kad Pengenalan baharu yang dikuatkuasakan iaitu mewajibkan tiap-tiap orang membawa kad pengenalan. Dari sinilah jugalah mereka yang menukar alamat pun datang juga, mereka yang menukar kad pengenalan yang hilang pun datang juga, di waktu inilah mereka bertumpu-tumpu datang ke pejabat ini untuk memperbaiki kedudukan mereka hasi daripada pelaksanaan undang-undang atau pun peraturan yang baharu itu. Ini memang bahkan lagi kerja-kerja kerana Jabatan ini menjalankan kerja-kerja untuk pendaftaran dan juga kerja-kerja untuk memproses kewarganegaraan.

Satu lagi perkara yang suka saya hendak sebutkan ialah mengenai akhbar-akhbar di Sabah yang kononnya memberi gambaran yang salah mengenai negeri Sabah dan ini boleh memecah-belahkan perpaduan kaum di negeri itu. Ini adalah dijelaskan di sini Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan akhbar-akhbar di Sabah dan juga di negeri-negeri yang lain, termasuk Semenanjung Malaysia dan jika didapati ada keterlaluan dan melampau garisan yang telah ditetapkan maka tindakan sewajarnya di bawah undang-undang akan diambil seperti juga dalam soalan-soalan pagi tadi telah dikemukakan perkara ini dan pihak Kementerian sentiasa mengikuti tulisan-tulisan akhbar-akhbar tempatan, kita tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu untuk kepentingan negara kita.

Teguran yang lain-lainnya tidaklah saya hendak menjawab begitu panjang, Tuan Yang di-Pertua, melainkan mengucapkan ribuan terima kasih kepada teguran-teguran itu dan sungguhpun saya tidak menyentuh perkara-perkara itu secara detail tetapi saya memberi jaminan segala teguran baik atau buruk yang bercurak nasihat ataupun kritikan akan diambil perhatian oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka hendak menjawab bagi pihak Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan yang meminta saya menjawabkan bagi pihak beliau.

Kepada Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob yang telah menyentuh supaya pihak Dewan Bandaraya membina dan memperikan rumah-rumah pangsa kepada penduduk-penduduk rumah haram.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator pihak Dewan Bandaraya sedang merancang untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa berharga murah, di samping rumah-rumah pangsa yang ada sekarang, supaya lebih ramai penduduk-penduduk rumah haram dapat ditempatkan.

Pada tahun ini Dewan Bandaraya telah membina 2 kawasan lagi rumah pangsa berharga murah yang boleh dipohon oleh setinggan-setinggan dan juga orang ramai amnya. Rumah pangsa tersebut ialah di Sentul Selatan yang terdiri dari satu blok—17 tingkat yang mengandungi sebanyak 256 unit dan juga di Jalan San Peng yang terdiri dari 3 blok—17 tingkat dan mengandungi sebanyak 792 unit.

Pada tahun ini Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan untuk membina lebih banyak lagi gerai-gerai dan detil-detilnya adalah seperti berikut :

No.	Projek	Butir-butir Projek	Anggaran Belanjaan	
1.	Mendirikan Gerai Makanan di Bangunan U.M.B.C.	18 buah gerai-gerai makan ...	\$ 51,000	
2.	Mendirikan Gerai-gerai makanan di lorong tepi kedai-kedai No. 495/497, Jalan Tuanku Abdul Rahman	20 unit gerai makan ...	35,000	
3.	Mendirikan gerai-gerai pasar di dalam kawasan Pasar Jalan Raja Bot	14 unit gerai berkunci bagi barang-barang pasar seperti kelapa, daging, ayam dan sebagainya	53,000	
4.	Mendirikan gerai-gerai di Kampung Sungai Midah	6 buah gerai berkunci—jualan barang-barang runcit, kedai kopi, kedai gunting rambut dan sebagainya ...	28,000	
5.	Mendirikan Kompleks Perniagaan Kecil di Kampung Batu-Pasar, gerai-gerai makanan dan barang-barang perniagaan	40 gerai Pasar ... 15 gerai makan ... 20 kedai kecil ...	} 165,162	
6.	Membina gerai terbuka bagi menempatkan semula penjaja-penjaja di Lorong Medan Pasar dan belakang Bangunan MCIS, Jalan Ampang	30 gerai yang satu sewanya lebih kurang \$200 sebulan		6,000

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator juga ada meminta supaya pihak Dewan Bandaraya merobohkan segala kedai-kedai lama yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur, supaya digantikan dengan kedai-kedai yang lebih besar dan moden yang dapat menarik perhatian kepada pelawat-pelawat yang datang ke negeri ini. Untuk merobohkan bangunan-bangunan kedai lama yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur untuk digantikan dengan bangunan-bangunan kedai

Bilangan setinggan yang ada sekarang seramai lebih kurang 200,000 orang adalah terlalu besar, oleh itu soal perumahan dan penempatan semula untuk mereka, memerlukan kajian dan perancangan yang teliti dan memakan masa yang agak panjang.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob juga ada menyentuh supaya pihak Dewan Bandaraya membina gerai-gerai yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil di Wilayah Persekutuan.

Dewan Bandaraya telah membina sebanyak 5,107 gerai-gerai yang sesuai untuk peniaga-peniaga kecil mengikut banci gerai-gerai yang dibuat pada tahun lepas.

yang besar dan moden dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan Bandar (Urban Renewal) dan untuk tujuan ini, pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) adalah memainkan peranan penting dan merupakan agensi Kerajaan yang lebih bertanggungjawab untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya berikan bagi pihak Menteri yang berkenaan.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas pandangan-pandangan, teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga selama lima hari yang lalu.

Yang pertamanya, saya suka memberi jawapan atas pandangan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim Manan yang mana beliau telah menyeru supaya Kerajaan membekalkan jentera pertanian kepada petani-petani seperti trektor dan sebagainya. Bagi menjawabnya, ini memanglah disadari oleh Kementerian saya. Oleh kerana itu Kementerian saya akan terus memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani yang dapat menyertai Koperasi-koperasi Peladang di tiap-tiap Kawasan Kemajuan Peladang untuk kemudahan-kemudahan mereka mengerjakan projek-projek pertanian mereka. Kemudahan-kemudahan ini diberi dengan dua cara pertolongan. Yang pertama, kepada Koperasi-koperasi Peladang pemberian jentera trektor 4 roda secara grant untuk koperasi-koperasi peladang yang mempunyai projek-projek pertanian. Yang Kedua, ahli-ahli koperasi peladang perseorangan boleh mendapatkan pinjaman daripada L.P.P. untuk membeli trektor dua roda dengan bayaran ansuran selama tiga tahun. Hingga bulan Mac, 1976 L.P.P. telahpun memberi bantuan secara percuma kepada Koperasi-koperasi Peladang iaitu:

1. Trektor 4 roda 45 buah;
2. Trektor 2 roda 14 buah.
3. Lori 6 tan 11 buah;
4. Lori 3 tan 6 buah;
5. Landrover 12 buah;
6. Pick-up van 14 buah.

Ini saya sedar memanglah belum mencukupi untuk keperluan koperasi-koperasi peladang. Walau bagaimanapun, L.P.P. akan menambah lagi bantuan-bantuan yang serupa ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik berhubung dengan projek tangkapan ikan di

perairan dalam. Sebenarnya pada masa ini pihak MAJUIKAN telahpun menjalankan satu projek perintis yang mana sedang dilaksanakan di Kuching, Sarawak dengan menggunakan bot yang beratnya lebih daripada 130 tan untuk menangkap ikan di perairan dalam. Rundingan-rundingan sedang juga dijalankan oleh pihak MAJUIKAN dengan pihak swasta daripada luar negeri untuk mengadakan projek-projek usaha sama bagi mengadakan rancangan tangkapan ikan di perairan dalam. Di samping itu pihak MAJUIKAN juga telahpun melaksanakan berpuluh-puluh buah bot pukat tunda dan pukat jerut yang beratnya lebih daripada 25 tan yang sedang berjalan pada masa ini. Oleh itu, sebagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat ini adalah saya hormati kerana selaras dengan hasrat Kementerian saya.

Yang kedua, pandangan dari Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin supaya MAJUIKAN menubuhkan koperasi-koperasi untuk membeli ikan dari nelayan-nelayan. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya pihak MAJUIKAN sedang melaksanakan dan menggalakkan nelayan-nelayan menyertai Koperasi-koperasi Nelayan di dalam kawasan-kawasan perikanan yang mana pihak MAJUIKAN sedang melaksanakan Sekim Kawalan Pemasaran Ikan di beberapa tempat yang difikirkan perlu seperti di Mersing, Chendering, Kuantan, Geting, Kuala Besut, Kemaman, Kuala Dungun, Kuala Sedili dan juga Kuala Pahang. Sekim-sekim ini adalah bertujuan untuk mengadakan sekim pemasaran yang teratur supaya nelayan-nelayan mendapat harga yang berpatutan dan juga koperasi-koperasi nelayan juga digalakkan untuk mengadakan usaha-sama dengan MAJUIKAN bagi menjalankan pemasaran ikan yang mana pihak MAJUIKAN telahpun mengujudkan satu anak syarikat yang bernama Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia yang juga mempunyai tujuan besar untuk mengatasi masalah pasaran ikan bagi faedah nelayan-nelayan. Syarikat ini telahpun menjalankan perniagaannya di Pasar Borong Kuala Lumpur, di Pasar Besar Ipoh, di Pasar Besar Johor Bahru dan juga di Pasar Besar Pulau Pinang yang mana ikan-ikan ini dibeli dari projek-projek perikanan di bawah MAJUIKAN. Oleh itu, pandangan Ahli Yang Berhormat ini saya hormati kerana selaras dengan hasrat Kementerian saya.

ketiga, pandangan dari Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik yang dengan masalah kopi. Kementerian saya akan terus menggalakkan tanam kopi di dalam negara ini pada tanah-tanah yang didapati sesuai yang mana pada ini tanaman kopi yang terbesar adalah Negeri Selangor yang keluasan tanahnya sampai hingga 20,000 ekar. Di samping itu akan Pertanian serta MARDI akan terus usaha untuk meninggikan mutu kopi di negara kita. Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan soal koko. Berhubung dengan tanaman koko, Kementerian saya akan memberi perhatian yang berat supaya koko dapat ditanam dengan secara besar-besaran terutama tanaman selingan di kawasan-kawasan kelapa seperti yang dapat didapati di Negeri Selangor, Perak, Johor, Melaka dan Negeri-negeri yang didapati tanahnya sesuai untuk tanaman koko. Koko adalah jenis tanaman kekal yang mempunyai harapan yang cemerlang di masa hadapan memandangkan keperluan koko di dunia. Berkenaan dengan mutu yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini, saya akan mengarahkan pihak MARDI untuk membuat penyiasatan bagi meninggikan lagi mutu keluaran koko negara kita.

Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan soal ternakan dari baka yang baik. Jabatan Haiwan sedang memmergiatkan lagi Rancangan Peranian ternakan eradas untuk mendapatkan lembu-lembu kacukan yang lebih baik. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum lembu-lembu yang diimpot memerlukan kawalan yang sangat rapi yang agak susah untuk dilaksanakan oleh petani-petani. Oleh itu, lembu baka ini perlu dikacukan terlebih dahulu dengan lembu tempatan dan anak daripada kacukan ini bolehlah diberikan kepada petani-petani supaya petani-petani tidak mengalami kesulitan untuk kawalan dari segi penyakit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berusaha terus-menerus bagi membesarkan lagi Rancangan Peranian Beradas untuk mendapatkan lembu-lembu kacukan yang lebih baik untuk diakkan melalui petani-petani bagi mengisi keperluan ternakan di dalam negara kita, pada masa ini.

Yang keempat, pandangan dari Yang Berhormat Senator Tan Sri S.O.K. Ubaidulla yang mana beliau telah memberi pandangan

berhubung dengan memodenkan sektor pertanian di dalam bidang pengeluaran pertanian, perusahaan pertanian, perikanan, penternakan dan sebagainya. Pandangan Yang Berhormat Senator ini patut diberi pujian dan pandangan beliau adalah sangat-sangat diberi perhatian berat oleh Kementerian saya. Bagi melaksanakan pandangan Yang Berhormat ini, Kementerian saya telah-pun mengambil tindakan, yang pertama sekali untuk menyatukan petani-petani kecil dalam Koperasi-koperasi Peladang yang mana Koperasi Peladang adalah satu organisasi tani yang benar-benar akan dapat memberi pimpinan dari segi teknologi pertanian, dari segi perniagaan tani, dari segi kejenteraan ladang, dari segi kredit, dari segi pemasaran dan dari segi kemudahan-kemudahan input pertanian.

Pada masa ini L.P.P. telah dapat mengujudkan sebanyak 168 Kawasan Kemajuan Peladang yang mana telah dianggotai oleh 250,000 petani-petani. Matlamat kita ialah untuk mengujudkan sebanyak 212 buah Kawasan Kemajuan Peladang yang dijangka akan dianggotai oleh sekurang-kurangnya 300,000 orang petani di dalam tahun 1980. Jumlah inilah golongan petani-petani yang miskin, petani-petani yang perlu disatukan di bawah satu organisasi dan petani-petani yang perlu diberi kemudahan bagi menambah pendapatan hasil pertanian dan meninggikan taraf hidup mereka. Tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengadakan kempen-kempen penerangan di Pusat-pusat Kemajuan Peladang tidak beberapa lama lagi akan diambil. Ini adalah selaras dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam masa beliau melancarkan Hari Peladang Kebangsaan di Muar, Johor pada 6hb Ogos, yang lalu.

Saya mempunyai kepercayaan yang penuh dengan adanya tenaga tani, terutama pekebun-pekebun kecil ini dapat disatukan di dalam satu organisasi yang mana dalam tiap-tiap kawasan Kemajuan Peladang ada disediakan Pusat-pusat Kemajuan Peladang dengan 5 orang pegawai yang ditugaskan untuk memberi pimpinan kepada petani-petani, maka semua masalah petani-petani akan dapat dikurangkan dan seterusnya akan dapat diatasi. Di samping itu juga Pusat-pusat Kemajuan Peladang yang ditubuhkan itu juga akan dapat digunakan oleh agensi-agensia Kerajaan yang lain yang mempunyai

hubungan dengan petani-petani disesuaikan kawasan untuk memberi kesenangan dan kemudahan kepada petani-petani menemui pegawai-pegawai dari agensi-agensi Kerajaan bagi mendapatkan apa-apa nasihat dan keperluan yang dikehendaki untuk petani-petani di dalam sesuatu kawasan.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang telah membangkitkan soal tembakau. Tanaman tembakau adalah satu sumber yang boleh memberi pendapatan yang lumayan kepada petani-petani di beberapa buah negeri seperti di Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis, Negri Sembilan, Melaka dan Johor. Oleh kerana tembakau merupakan satu jenis tanaman yang diperlukan oleh pengilang rokok di dalam negara kita, maka Kerajaan telah menubuhkan satu Lembaga apa yang dipanggil Lembaga Tembakau Negara untuk bertanggungjawab bagi mengawal pengeluaran mutu dan juga pemasaran yang akan dibeli oleh pengilang-pengilang supaya petani-petani tidak mengalami masalah pemasaran tembakau itu.

Baru-baru ini ada beberapa masalah telah timbul disebabkan daun-daun tembakau yang dikeluarkan oleh petani-petani telah ditolak oleh pengilang-pengilang, kononnya disebabkan oleh mutu daun tembakau itu tidak memuaskan seperti yang dikehendaki oleh pengilang-pengilang. Tetapi mengikut pendapat petani-petani mutu daun tembakau yang telah ditolak itu telahpun diakui oleh pegawai-pegawai daripada Lembaga Tembakau Negara.

Di dalam mengatasi masalah yang serupa ini pihak yang paling sesuai untuk menjadi orang tengah ialah Lembaga Tembakau Negara supaya sebarang penyelewengan tidak akan berlaku samada dari pihak pengilang ataupun dari pihak petani-petani. Dalam mengatasi dan memberi pertolongan kepada petani-petani Kementerian saya melalui Lembaga Pertubuhan Peladang juga telah memberi beberapa kemudahan kepada petani-petani untuk mengeluarkan tembakau yang mana pada masa ini ada 17 buah Koperasi Peladang yang telah mengambil bahagian di dalam tanaman tembakau. L.P.P. juga telah mengadakan sebanyak 143 buah rumah-rumah salai tembakau kepada Koperasi-koperasi Peladang Kawasan dengan tujuan supaya petani-petani tidak sahaja

hanya menjadi penanam, tetapi merel dapat memproses segala hasil peng mereka yang mana kejayaan telah dicapai pada tahun 1975 peng tembakau yang telah dibuat oleh K Peladang yang bernilai \$3 juta.

Soal penyelidikan tanaman dari MARDI, saya sendiri telahpun menga mesyuarat bersama-sama Yang Berh Timbalan Menteri Perusahaan Utama telah disertai oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Lembaga bakau Negara supaya tugas-tugas ini diselaraskan. Persetujuan telah di supaya soal penyelidikan ini dapat disat di bawah Lembaga Tembakau Neg Pegawai-pegawai Penyelidikan dari MA akan memberikan kerjasama yang sepe penuhnya dengan Lembaga Temba Negara supaya petani-petani dapat di nasihat daripada segi teknik pertanian Lembaga Tembakau Negara dapat memt nasihat daripada segi memproses dan masaran tembakau supaya petani-peti dapat jaminan harga yang memuaskan di pengilang-pengilang.

Berhubung dengan pandangan-pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain di dalam masalah nelayan-nelayan kecil yang memerlukan bantuan daripada Kementerian Pertanian, pihak Kementerian Pertanian telahpun mengatur rancangan yang paling sesuai bagi meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan kecil dengan dua cara. Yang pertama sekali, Kementerian saya akan memberi latihan kepada anak-anak nelayan kecil ini daripada segi menggunakan bot di dalam tangkapan ikan mereka dan juga memberi latihan untuk membaca peta dan menjalankan usaha di lautan tengah dan setelah latihan-latihan diberi kepada mereka Kementerian saya akan memberi bantuan bantuan yang berupa bot, injin dan jaring supaya nelayan-nelayan kecil ini akan dapat menambah pendapatan mereka. Yang keduanya ialah dengan cara mengurangkan keluarga nelayan-nelayan ini daripada penhidupan menangkap ikan kepada cara-cara yang lain; iaitu dimasukkan ke dalam bidang pertanian dan juga diberi latihan latihan kemahiran supaya jumlah keluarga nelayan kecil ini akan dapat dikurangkan daripada satu masa ke satu masa. Selain daripada itu, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mana telah menyentu

beberapa sektor di dalam Kementerian saya ang tidak saya beri jawapan secara detail, maka segala pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah di dalam pertimbangan dan kajian Kementerian saya untuk diambil satu-satu tindakan yang sesuai supaya segala peruntukan perbelanjaan yang ada di hadapan kita pada hari ini akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya demi meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan di seluruh negara.

Dengan ini sekali lagi saya ucapkan ber-banyak-banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

5.20 ptg.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, bagi pihak Kementerian Penerangan untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara dalam perbincangan mengenai Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga baru-baru ini. Bagi pihak Kementerian Penerangan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina bagi Kementerian ini.

Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein telah menyentuh R.T.M. perlu membetulkan siaran wartaberita di mana siaran wartaberita itu mengandungi perkataan-perkataan yang kurang difahami oleh masyarakat di luar bandar. Message yang perlu disampaikan kepada masyarakat luar bandar hendaklah disampaikan dengan bebas dan senang. Tuan Yang di-Pertua, pihak R.T.M. memang menyedari masalah itu, tetapi keadaan berita-berita kita ialah mengikut keadaan perkembangan bahasa yang standard di samping menjaga imej penyiaran kita dengan negara-negara jiran termasuklah Indonesia dan Singapura. Walau bagaimanapun, R.T.M. sentiasa berusaha untuk memperbaiki siaran-siaran wartaberita melalui radio dan talivisyen supaya dapat difahami oleh semua golongan rakyat. Walau bagaimanapun, mungkin ada istilah-istilah baru dan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan sains dan teknologi tidak begitu difahami oleh masyarakat di luar bandar.

Namun begitu, R.T.M. akan cuba menyampaikan wartaberitanya dengan cara yang mudah dan senang difahami oleh orang ramai.

Yang Berhormat itu juga menyentuh rancangan-rancangan radio dan T.V. tidak banyak berorientasikan pembangunan dan pertanian. Mengenai rancangan-rancangan yang berunsurkan pembangunan R.T.M. akan menyusun semula siarannya supaya unsur-unsur pembangunan dari segi pertanian yang ada sekarang ini akan dapat ditambahkan lagi. Unsur-unsur pembangunan akan sentiasa ada tersira dalam rancangan-rancangan yang sesuai seperti rancangan pelupur ini juga ialah rancangan pembangunan pertanian khususnya untuk projek belia, peladang, dengan rancangan bumijaya pada tiap-tiap hari Jumaat, yang menerangkan masalah-masalah tanaman-tanaman ataupun penyakit-penyakit tanaman-tanaman dan lain-lain. Walaupun begitu, Kementerian Penerangan sentiasa akan mengubunngi rapat dengan Kementerian Pertanian khususnya dan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk dapat melahirkan usaha-usaha penyiaran mengenai perkembangan pertanian di negara kita. Begitu juga mengenai rancangan-rancangan yang berunsur ugama, R.T.M. sedang mengkaji untuk menambah dan memperbaiki lagi. Ini mungkin siarannya dapat dimulai sedikit-sedikit perubahan dalam bulan Ramadhan ini berperingkat-peringkat.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh mengenai T.V. berwarna yang mana adalah satu tanda progresif dan berharap dapat dinikmati oleh semua orang termasuk masyarakat luar bandar. Kementerian ini mempunyai hasrat, insya Allah dalam tahun 1978 kelak satu liputan ke seluruh negara, seluruh Malaysia mungkin dapat dipancarkan T.V. berwarna dan diharap masyarakat luar bandar juga akan dapat menikmatinya asalkan kemudahan electricity telah didapati di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid mengatakan semasa T.V. menyiarkan azan terdapat gambar-gambar menunjukkan lampu-lampu, kereta-kereta dan orang-orang berjalan masuk ke masjid. Pandangan demikian kurang elok. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, ini mungkinlah gambar-gambar yang kita buat pada awal dahulu dan gambar ini telah tidak dipakai lagi dan dari masa ke semasa

memang kita pandukan dengan beberapa pandangan-pandangan yang sesuai termasuk mengadakan gambar-gambar yang diambil bangunan-bangunan masjid-masjid yang indah di seluruh negeri ini. Dan juga adalah difikirkan tidak sesuai sekiranya semasa azan itu dibunyikan, sedangkan dalam T.V. menunjukkan orang-orang yang sedang penuh berjemaah kerana kita telah ambil orang berjemaah pada hari Jumaat. Oleh itu, pihak R.T.M. sentiasa mengkaji bagi mengambil keindahan-keindahan alam semua jadi termasuk waktu-waktu yang berkenaan bagi mengamalkan kebesaran Allah sesuai dengan kalimah azan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, perkara ini sentiasa diatur dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keadaan keindahan alam dan kebesaran Tuhan.

Mengenai Rancangan Hiburan Malam Minggu, masih terdapat lagi banyak tarian barat dalam rancangan-rancangan R.T.M. yang timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat R.T.M. sedang giat berusaha untuk memperbaiki rancangan-rancangan hiburan yang sesuai dengan cita-cita perkembangan menurut kebudayaan Malaysia. Jadi, kita nampak pakaian-pakaian penari dan tarian-tarian yang menjolok mata itu telah makin berkurangan dan sedang diperbaiki lagi dari semasa ke semasa dan kita harap perkara ini akan dapat diselenggarakan dengan usaha-usaha menyesuaikan untuk meninggikan kebudayaan yang bersaluran dengan unsur dakwah.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin, beliau mengesyorkan supaya R.T.M. membanyakkan lagi program-program berunsur ugama dan memasukkan dakwah-dakwah Islam di dalam rancangan-rancangan seperti Rancangan Drama dan lain-lain. Beliau berpendapat ini akan dapat mengelakkan keruntuhan moral rakyat negeri ini dan menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan soal membanyakkan lagi rancangan-rancangan yang berunsur ugama disiarkan oleh R.T.M., sukacitalah saya menerangkan bahawa soal itu sedang dikaji dan dilaksanakan dengan telitinya supaya siaran radio dan T.V. pada keseluruhannya akan mendapat sambutan dari semua lapisan masyarakat. Begitu juga tentang memasukkan dakwah-dakwah Islam

dalam rancangan-rancangan yang sesuai seperti drama dan sebagainya, pihak R.T.M. sedang mencari skrip-skrip drama yang sesuai untuk tujuan tersebut dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menyaksikan drama-drama yang akhir-akhir ini termasuk barangkali drama pada minggu sudah iaitu Ria Muda, kita nampak unsur-unsur dialog skrip dan dakwah telah dapat dimasukkan ke dalam drama-drama tersebut dan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dan mutserta nilainya itu akan dipertingkatkan atau dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadai lah setakat ini dan pada Ahli-ahli Yang Berhormat lain mungkin kalau saya ada ke tinggalan tidak menjawabnya insya Allah saya akan mengambil ingatan dalam perkara ini. Maka sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Penerangan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran berhubung dengan masaalah pelajaran di negara ini. Oleh itu izinkanlah pula saya untuk mengulas beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu yang saya fikirkan perlu diberi penjelasan.

Mula-mula saya ingin menyentuh teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan bahawa biasiswa kecil yang diberi pada murid-murid sekolah sekarang ini sangat kecil kadarnya memandangkan kepada keadaan pada masa ini dan oleh yang demikian kadar biasiswa kecil itu perlu dikaji semula.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa Biasiswa Kecil Persekutuan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran pada masa ini mengandungi:

(i) <i>Biasiswa Kecil Persekutuan—Biasa</i>		
Tingkatan I hingga		
Tingkatan III	\$180	setahun
Tingkatan IV hingga		
Tingkatan V	\$240	setahun

i) *Biasiswa Kecil Persekutuan—Rancangan Khas*

\$300 setahun

ii) *Biasiswa Kecil Persekutuan—Sekolah Berasrama Penuh/Menengah Sains*

Tingkatan I-III ... \$300 setahun

Tingkatan IV-V ... \$360 setahun

Memandangkan kepada angka-angka yang saya nyatakan tadi, jelaslah bahawa kadar asiswa kecil yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran adalah menasabah dan suai. Tambahan pula murid-murid yang menerima biasiswa itu seterusnya adalah dicualikan daripada membayar yuran sekolah. Oleh itu saya rasa untuk sementara waktu ini tidak perlu kadar-kadar Biasiswa tersebut dikaji semula.

Yang Berhormat Puan Zawiah juga telah menuduh bahawa pembahagian biasiswa kecil itu tidak begitu adil, kerana banyak murid-murid yang miskin di luar bandar tidak mendapat biasiswa tersebut. Saya rasa pemberian biasiswa itu telah dilakukan dengan cara yang begitu adil sekali. Walau bagaimanapun kita tidak dapat memberi biasiswa kepada semua murid-murid yang bersekolah, kerana ini bergantung kepada peruntukan yang telah diluluskan dari tahun kesetahun. Pembahagian adalah ditapis dengan halus mengikut catitan dalam borang permohonan yang disahkan oleh Guru Besar dan juga orang Kenamaan seperti Pegawai Daerah atau Penghulu dan termasuk juga Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator kita.

Permohonan-permohonan itu seterusnya ditapis oleh Jemaah Pemilihan Negeri yang diketuai oleh Pengarah Pelajaran, sebelum permohonan-permohonan itu dikaji oleh Kementerian Pelajaran. Murid-murid di Sekolah Berasrama Penuh dan juga Sekolah Menengah Sains adalah diberi tempat tinggal dan "food subsidy".

Permohonan Biasiswa adalah berdasarkan kepada kemajuan pelajaran murid-murid dan pendapatan ibu bapa. Mengikut analisa 1975 ibu bapa yang mempunyai pendapatan lebih daripada \$700 sebulan tidak dilayankan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat berkenaan biarlah saya perturunkan

data-data yang boleh menunjukkan keadilan di dalam pemberian Biasiswa kecil itu.

Pendapatan:

\$700-\$900	14	murid
\$500-\$699	632	murid
\$400-\$499	423	murid
\$300-\$399	818	murid
\$200-\$299	2,880	murid
\$100-\$199	9,436	murid
\$ 99 ke bawah	13,739	murid
Jumlah	28,074	murid

Mengikut pekerjaan ibu bapa, murid yang menerima Biasiswa ialah seperti berikut:

Buruh	5,621	orang
Penoreh getah	4,744	orang
Petani	4,605	orang
Kakitangan Kerajaan/ Polis	2,032	orang
Nelayan	1,675	orang
Tentera	1,094	orang
Perniagaan runcit	735	orang
Swasta/Firma	534	orang
Lain-lain: Drebar, Persara, kerja sendiri di kampung-kampung, Bekas Perajurit dan Orang Asli	7,034	orang
Jumlah	28,074	orang

Oleh yang demikian, saya rasa pemberian Biasiswa adalah adil dan tidak memerlukan kajian semula untuk sekarang.

Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin telah merayu supaya Kementerian Pelajaran memberi "keistimewaan khas" untuk anak-anak perajurit memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh. Inginlah saya jelaskan di sini bahawa disebabkan tempat-tempat di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Sains adalah terhad dan untuk menentukan pencapaian akademik yang cemerlang, kemasukan murid-murid ke Sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Sains adalah didasarkan kepada keputusan-keputusan

yang cemerlang di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Kemasukan ke sekolah-sekolah ini adalah dibuat dengan secara tawaran oleh Kementerian Pelajaran. Oleh kerana itu murid-murid yang layak akan diberikan tawaran dan ada juga di antara murid-murid yang mendapat tawaran ini terdiri daripada anak-anak perajurit sendiri.

Di samping itu pula Kementerian Pelajaran memanglah memberikan keutamaan kepada kemasukan anak-anak perajurit ke asrama-asrama sekolah yang bukan berasrama penuh khasnya murid-murid yang ditempatkan di Kelas-kelas Rancangan Khas yang terdapat di sekolah-sekolah yang terkemuka atau sekolah-sekolah premier di seluruh negara kita ini.

Dengan hal yang demikian Kementerian Pelajaran belumlah lagi dapat memberikan keistimewaan khas kepada anak-anak perajurit memasuki ke Sekolah-sekolah Berasrama Penuh. Walau bagaimanapun, perkara ini akan sentiasa ada di dalam ingatan Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai telah sekali lagi membangkitkan tentang keadaan-keadaan yang tidak memuaskan di sekolah Tamil, terutamanya di sekolah-sekolah Estet. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tempohari, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai rancangan untuk membaiki lagi keadaan-keadaan di sekolah-sekolah Tamil yang ada pada masa ini. Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang tapaknya bukan dimiliki Kerajaan, Bantuan Modal akan diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu dalam tahun 1976 Bantuan Modal sejumlah \$200,000 telah diluluskan bagi memperbaiki keadaan sekolah Tamil di Semenanjung Malaysia Peruntukan yang diluluskan itu adalah untuk membiayai tambahan bilik-bilik darjah, membeli perabot, membina tandas, membekalkan air dan lain-lain. Walau bagaimanapun, inginlah saya tegaskan lagi, bahawa rancangan pemulihan atau pembinaan sekolah Tamil ini terutamanya di estet-estet banyak bergantung kepada kesanggupan tuan tanah menyerahkan milik tanah itu kepada Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Tapa telah menyentuh tentang masalah pemilihan guru. Beliau berpendapat pe-

milihan Guru-guru Besar pada masa adalah terdiri daripada guru-guru yang dan beliau mengesyorkan supaya pemilihan Guru Besar didasarkan kepada pengaliran dan disiplin yang baik. Soalan yang ser telah pernah saya beri jawapan. Walau bagaimanapun, inginlah saya tegaskan sekali lagi bahawa perkara-perkara yang di timbangkan bagi kenaikan pangkat seseorang guru sebagai Guru Besar samada di sekolah rendah atau di sekolah menengah ia kelulusan, merit atau kesesuaian, pengalaman kebolehan dan juga kekananan seorang guru itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah telah menimbulkan kad yang tidak sama di antara kaum di kalangan pelajar-pelajar yang pergi menuntut Seberang Laut. Sebagaimana yang telah saya tegaskan tempohari di masa menjawab soalan yang hampir serupa bahawa bukannya menjadi dasar Kerajaan untuk menyekolahkan bilangan penuntut-penuntut yang pergi menuntut pelajaran tinggi di seberang laut siapa sahaja yang berkemampuan dan berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan, ada mempunyai peluang untuk menuntut di institusi pelajaran tinggi di seberang laut. Tambahan lagi pada masa ini Kementerian Pelajaran hanya menaja pelajar-pelajar yang hendak belajar ke United Kingdom, Indonesia, Pakistan dan Bangladesh.

Yang Berhormat Tuan Chua Ching Chen pula telah meminta supaya Kerajaan mengkaji masalah menambahkan lagi bilangan penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Inginlah saya tegaskan di sini bahawa jumlah bilangan tempat-tempat baru yang ditawarkan di Universiti universiti bertambah dari tahun kesetahun namun begitu adalah mustahil bagi Kerajaan untuk menampung kesemua calon-calon yang ingin melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi kerana penambahan pengambilan pelajar baru adalah dibataskan oleh faktor-faktor seperti kakitangan yang terlatih dan berkelayakan, tempat, wang dan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Selain dari Universiti Malaya, empat universiti universiti yang ada di negara kita ini adalah dalam proses perkembangannya dan dengan itu bilangan pelajar-pelajar setiap tahun yang diambil akan terus bertambah. Ingin juga saya menyatakan di sini bahawa perediaan tempat latihan tidak boleh mengiku-

kehendak penuntut-penuntut sahaja, tetapi perlu mengambilkira kehendak tenaga manusia untuk negara kita. Jika latihan diberi tanpa menitikberatkan perkara ini besar kemungkinan graduate universiti akan menganggur. Sekarang ini pun sudah ada sungutan bahawa dalam beberapa jurusan, pemegang ijazah universiti sukar mendapat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara samada yang telah saya jawab semasa menjawab soalan-soalan mulut ataupun yang telah saya beri penjelasan sebelum ini. Oleh itu saya rasa perkara-perkara ini tidak perlu saya beri penjelasan sekali lagi, walau bagaimanapun mana-mana perkara yang telah dibangkitkan dan tidak saya beri penjelasan pada hari ini Kementerian saya akan mengambil perhatian yang berat terhadap syor-syor dan teguran-teguran sedemikian.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit ulasan atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Senator di Dewan ini berkaitan dengan soal pertahanan, semasa perbincangan atas usul Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menggesa agar lebih banyak pekerjaan patut diuntukkan kepada bekas perajurit dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan had umurnya patut dilonggarkan lagi. Perkara mendapatkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi bekas perajurit sememangnya sentiasa di dalam perhatian Kementerian Pertahanan. Langkah-langkah seperti mendapatkan tempat di rancangan-rancangan tanah bagi bekas perajurit, memberi latihan peralihan yang cukup di dalam berbagai-bagai bidang dan mendapatkan ketutamaan, qota dan kelonggaran had umur dari segi pemilihan untuk pekerjaan-pekerjaan tertentu dengan pihak Kerajaan lain telah diusahakan. Masaalah yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan sekarang ialah kekurangan kakitangan untuk mengendalikan Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit dan juga masih ada lapuran-lapuran bagi menyempurnakan keperluan yang telah diper-setujui itu belum dapat dikendalikan.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin telah mencadangkan agar Kerajaan menubuhkan satu syarikat gergasi bagi bekas-bekas perajurit, yang menjalankan perniagaan dengan membekalkan keperluan-keperluan pakaian seragam, songkok, kasut dan lain-lain bagi kegunaan pasukan keselamatan dan tidak memberi semua tender-tender mengenai pembekalan perkara-perkara ini kepada seseorang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik itu sememangnya baik jika dapat dipraktikkan. Penubuhan syarikat gergasi yang berkemampuan membekalkan perkakas-perkakas yang disebutkan seperti yang dicadangkan itu walau bagaimanapun terpaksa dilaksanakan oleh Persatuan Bekas Perajurit sendiri dan pihak Kementerian saya sememangnya akan memberi pertimbangan yang lebih istimewa dari biasa kepada tender-tender yang dikemukakan oleh Persatuan Bekas Perajurit. Dalam hal ini, langkah-langkah untuk menggalakkan Kesatuan sedang disusun dan tentang perkara monopoli yang dibuat oleh mana-mana pihak yang tertentu, inipun sedang dikaji oleh Kementerian Pertahanan. Sebagai bekas-bekas perajurit sudah tentu mereka ini sepatutnya lebih bertanggungjawab daripada mereka yang tidak pernah mengalami kezazaman yang dihadapi oleh perajurit-perajurit sendiri.

Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan kepentingan bekas-bekas perajurit kita Kerajaan sememangnya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid bahawa bekas-bekas perajurit yang sebilangan besarnya terdiri dari bekas-bekas infantri adalah golongan yang menghadapi masaalah hidup setelah keluar dari perkhidmatan. Seperti yang diketahui oleh Yang Berhormat Senator tersebut kebanyakan mereka ini tidak mempunyai apa-apa kemahiran dan dengan itu adalah sukar bagi Kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan yang lumayan ataupun yang agak baik bagi mereka. Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui sendiri oleh Yang Berhormat Senator tersebut, usaha-usaha

sentiasa dijalankan bagi membuka peluang-peluang kehidupan bagi bekas-bekas perajurit kita ini, sungguhpun saya akui bahawa masih banyak perkara-perkara yang boleh diperbaiki lagi kalau keadaan membenarkan.

Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin juga telah menyatakan bahawa pihak FELDA telah mengkhaskan sebanyak 20% daripada tempat-tempat di rancangan-rancangan tanah mereka kepada bekas-bekas perajurit, telah mensyaratkan pula bahawa keistimewaan ini diberi hanya jika seseorang bekas perajurit membuat permohonan dalam masa 5 tahun sesudah berhenti daripada perkhidmatan sahaja, selepas itu permohonan mereka akan dianggap sebagai permohonan daripada orang biasa sahaja.

Peraturan ini diadakan kerana tempat yang ada di rancangan-rancangan FELDA adalah terhad dan backlog pemohon-pemohon dari orang ramai adalah besar. Walau bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan akan menghubungi pihak FELDA berkenaan perkara ini untuk membincangkan implikasinya dengan lebih mendalam.

Di dalam memperkatakan soal rancangan tanah, Yang Berhormat Senator tersebut telah memohon kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengikuti langkah Kerajaan Pahang dan Perak dalam memberikan kawasan tanah khas bagi bekas-bekas perajurit. Oleh kerana cara menyediakan rancangan tanah adalah satu-satunya cara yang paling berkesan dan praktik di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi, Kementerian Pertahanan menyokong eruan Yang Berhormat Senator itu. Ingin saya maklumkan bahawa kerjasama yang diperlukan telah pun diberi oleh beberapa buah Negeri, dan sekarang ini sebuah rancangan khas di Semenanjung, Johor bagi menamatkan 200 keluarga bekas perajurit adalah edang disiapkan.

Yang Berhormat Senator tersebut dan juga Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock telah juga menggesa agar Kerajaan memperncaiki pelaksanaan arahan Surat Pekeliling Bil. 19/1975 yang menetapkan agar quota-quota tertentu dikhaskan untuk bekas perajurit bagi 31 buah jawatan, seperti yang licatitkan di dalam Pekeliling tersebut.

Mengikuti Senator tersebut, quota-quota yang dikhaskan telah tidak dipatuhi oleh pejabat-pejabat Kerajaan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sedar atas berlakunya kadangkala Ketua-ketua Jabatan yang tidak sedar adanya Surat Pekeliling berkenaan seperti yang telah baru-baru ini berlaku satu pengaduan kepada saya di sebuah negeri di Semenanjung ini, negerinya tidak payahlah saya sebut, jadi sebelum dapat memberi ulasan atau mengambil tindakan atas perkara ini, satu-satu selidikan khas terpaksa diadakan terlebih dahulu oleh Kementerian saya dan Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan dengan pelaksanaan Pekeliling tersebut, dan jika ada didapati apa-apa yang tidak memuaskan seperti yang saya sebutkan tadi tindakan bagi membetulkan keadaan itu akan diambil. Malah perkara ini telah pun disampaikan kepada pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah menyebutkan perkara ini kepada pegawai yang berkenaan di Jabatan-jabatan yang lain.

Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin juga telah menyatakan bahawa ganjaran yang diberi kepada waris-waris perajurit-perajurit yang terkorban iaitu wang sebanyak \$10,000 dan pencen seumur hidup kepada balu adalah tidak mencukupi. Yang Berhormat Senator telah mencadangkan agar suatu pemberian lain yang lebih menasabah di samping wang suguhati, seperti tanah, rumah dan sebagainya patut diberikan juga untuk menambahkan incentive kepada perajurit-perajurit kita. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selain dari bayaran yang disebutkan, suguhati perkhidmatan yang mungkin juga berjumlah beberapa ribu ringgit lagi, serta bantuan persekolahan untuk anak-anak adalah juga diberikan kepada seseorang balu.

Untuk mengurniakan tanah atau rumah adalah agak kurang praktikal dan di luar kemampuan Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, suguhati sebanyak \$10,000 bagi seseorang balu itu ialah untuk membantu seperti membeli rumah atau sekeping tanah yang sederhana di kawasan luar bandar. Wang pencen, sekurang-kurangnya \$150 sebulan seperti yang dibayar dan wang bantuan persekolahan bolehlah digunakan bagi menampung keperluan sehari-hari dan keperluan persekolahan anak-anak. Walau

bagaimanapun, saya pun setuju bahawa pemberian saguhati sebanyak \$10,000 itu adalah satu cara untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh balu-balu ini dan bukannya sebagai suatu matlamat atau pun objektif Kementerian ini bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh balu-balu ini.

Yang Berhormat Senator tersebut juga telah menyentuh tentang bayaran wad (ward charges) yang dikenakan ke atas bekas-bekas perajurit. Sebenarnya bayaran yang dikenakan ialah $\frac{1}{2}$ % daripada gaji terakhir bagi mereka yang layak menduduki wad kelas satu iaitu bagi gaji \$380 ke atas semasa berhenti berkhidmat. Bayaran yang dikenakan ialah sebagai ward charges sahaja dan kadar maksima ialah \$8 sehari. Tidak ada apa-apa bayaran yang dikenakan atas rawatan doktor atau rawatan specialist. Mereka yang lain pula adalah layak menduduki wad kelas B dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tersebut, untuk menikmati kemudahan-kemudahan ini seseorang bekas perajurit itu mestilah telah berkhidmat selama 10 tahun sekurang-kurangnya. Ini adalah benar, tetapi syarat 10 tahun perkhidmatan sekurang-kurangnya itu tidaklah dikenakan ke atas bekas-bekas perajurit yang diberhentikan atas nasihat Lembaga Perubatan. Tempoh 10 tahun ini dikenakan kerana perajurit-perajurit lain-lain pangkat adalah diberhentikan hanya setelah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 10 tahun. Mereka yang diberhentikan sebelum tamat jangka masa tersebut, selain dari mereka yang diberhentikan atas sebab-sebab kesihatan, adalah mereka yang diberhentikan atas sebab-sebab disiplin atau yang seumpamanya. Adalah difikirkan tidak wajar jika keistimewaan ini diberikan juga kepada golongan seperti ini. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa pegawai-pegawai yang bertauliah jangka pendek yang terpaksa berhenti sebelum sampai 10 tahun khidmatnya di dalam Angkatan Tentera tidak akan dapat keistimewaan ini dan perkara ini telahpun saya minta untuk dikaji telah ada disebut oleh Ahli Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin baharu-baharu ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Tom Saudah juga telah membangkitkan tentang masalah yang dihadapi oleh bekas-

bekas perajurit kita dan telah menyatakan kebimbangan beliau atas masa depan mereka. Salah satu cadangan Senator tersebut ialah agar sebuah Jawatankuasa Khas, yang memainkan peranan menentukan bahawa kepentingan bekas-bekas perajurit diambil perhatian di dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga, ditubuhkan oleh Kerajaan.

Pihak Kerajaan pada keseluruhannya, sentiasa mengawasi kepentingan-kepentingan bekas-bekas perajurit kita. Hasil dari pandangan berat Kerajaan ke atas bekas-bekas perajurit, beberapa kemudahan telahpun dihasilkan bagi kepentingan bekas-bekas perajurit kita.

- (a) Penubuhan Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan yang memainkan peranan penting bagi menentukan peluang-peluang kehidupan bagi bekas-bekas perajurit, terutamanya dengan cara mengadakan latihan peralihan dan mengadakan perkhidmatan mendapatkan pekerjaan serta mendapatkan keistimewaan-keistimewaan, kelonggaran syarat dan quota dalam jawatan-jawatan dengan Kerajaan.
- (b) Penubuhan Tabung Angkatan Tentera sebagai Provident Fund bagi anggota-anggota tentera.
- (c) Pengurniaan quota 20% di dalam rancangan-rancangan tanah FELDA dan lain-lain. Disamping itu skim pencen dan lain-lain pampasan yang berpatutan bagi perajurit-perajurit yang bersara, berhenti khidmat atau mati atau terkorban dan yang mengambil perhatian atas kepentingan masa depan perajurit-perajurit ini, atau balu-balu dan keluarga mereka, adalah diberi pertimbangan yang wajar.

Dengan adanya kesedaran atas kepentingan bekas-bekas perajurit kita ini, pada masa ini Jawatankuasa seperti yang dicadangkan itu adalah belum diperlukan. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan diteliti dan ditimbangkan juga oleh pihak Kementerian dan apabila didapati perlu dan menguntungkan dan dapat pula membantu machinery yang sedia ada, tindakan akan diambil bagi menubuhkan Jawatankuasa seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, kita berharap pihak Kementerian Pertahanan akan dapat bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan persatuan bekas-bekas perajurit yang

sepatutnya dapat menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli bekas perajurit sekarang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Tom Saudah juga telah mengemukakan beberapa cadangan lain. Pertamanya, beliau menyeru agar gaji perajurit-perajurit di bahagian rendah terutamanya hendaklah dikaji kerana gaji mereka sekarang adalah tidak mencukupi. Perkara ini sebenarnya adalah di dalam pertimbangan Kerajaan sekarang. Selain dari itu beliau juga menyeru agar semua perajurit-perajurit yang berhenti berkhidmat diberi pencen oleh Kerajaan sama seperti yang dilakukan kepada anggota-anggota Polis. Sebenarnya anggota-anggota tentera yang bersara setelah menamatkan 21 tahun perkhidmatan adalah diberi pencen. Dan mereka yang diberhentikan dari perkhidmatan sebelum tamat tempoh perkhidmatan selama 21 tahun diberi ganjaran. Oleh kerana kebanyakan mereka ini adalah masih muda, iaitu dalam lingkungan umur 28-36 tahun tindakan diambil sekarang adalah untuk memberi latihan peralihan dan membantu mereka di dalam mencari pekerjaan di bidang awam. Tanggungjawab Kerajaan adalah bagi membuka seberapa banyak peluang yang boleh bagi mereka untuk memulakan kehidupan baru. Untuk makluman lanjut Yang Berhormat Senator, kedudukan bekas-bekas perajurit yang diberhentikan tanpa pencen ini tidaklah sama dengan kedudukan pesara-pesara Polis, kerana anggota-anggota Polis tamat khidmat hanya setelah mencapai umur 50-55 tahun.

Selain daripada cadangan di atas, Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saudah juga telah menggesa agar Kerajaan mengadakan tanah dan rumah bagi bekas-bekas perajurit. Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan dan tanah adalah bukan sahaja dialami oleh bekas-bekas perajurit tetapi juga oleh ramai lagi penduduk negara ini baik di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar. Kerajaan belum mampu untuk menyediakan rumah dan tanah kepada setiap penduduk negara ini atau kepada ke semua bekas-bekas perajurit. Walau bagaimanapun, kepentingan rakyat yang tidak berada, termasuk bekas-bekas perajurit adalah diambil perhatian oleh Kerajaan dan rancangan-rancangan tanah dan rumah murah yang "viable" telah diadakan oleh Kerajaan bagi kepentingan golongan yang tidak berada. Selain daripada itu, Kerajaan-kerajaan Negeri

telah diseru bagi mengadakan rancangan-rancangan rumah murah yang sebahagian daripadanya dikhaskan bagi bekas-bekas perajurit.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat syor-syor dan teguran ke atas Kementerian saya sepanjang perbahasan baru-baru ini.

Bagi mengulas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Rahim Manan tentang adanya surat terbang yang dialamatkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Perusahaan Utama mengenai kepincangan di dalam pejabat RISDA, ingin saya nyatakan bahawa Kementerian sedar akan adanya surat layang yang telah dialamatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara tersebut. Oleh sebab separuh daripada surat-surat tersebut tidak dapat ditentukan penulisnya yang sah, tidaklah dapat Kementerian saya memberi layanan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, saya sangatlah berharap dan menyeru kepada sesiapa juga yang ada pengaduan berhubung dengan pentadbiran di bawah Kementerian saya supaya membuat pengaduan-pengaduan itu melalui saluran-saluran yang tertentu, iaitu berhubung terus dengan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Di dalam hal ini, saya suka mengambil kesempatan memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian saya akan sentiasa mengawasi pentadbiran semua Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian, samada berasaskan kepada maklumat yang didapati oleh pihak Kementerian saya sendiri ataupun daripada rakyat jelata.

Saya suka menarik perhatian Dewan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ahmad Azizuddin mengenai perlombongan. Sukacita dimaklumkan bahawa pembahagian tanah perlombongan adalah tertakluk kepada budibicara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah memaklumkan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baharu, di mana galakan pasti diberi kepada

kaum Bumiputra bukan sahaja dalam perusahaan perlombongan bahkan dalam apa jua lapangan. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Galian hanya memastikan kehendak-kehendak Enakmen Perlombongan di selenggarakan.

Mengenai peraturan-peraturan perlombongan, sesuatu Kerajaan Negeri mempunyai peraturan-peraturan perlombongannya sendiri, dan Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa ke atas peraturan-peraturan tersebut. Walau bagaimanapun demikian, Kerajaan Persekutuan ada cadangan untuk mengujukan satu Kanun Galian Negara untuk menyatukan kesemua peraturan-peraturan asing ini.

Mengenai kemudahan-kemudahan, Jabatan Galian ada rancangan "Mineral Investigation and Drilling Unit" yang menjalankan kerja siasatan dan penilaian di kawasan-kawasan Simpanan Melayu dan juga membantu pihak-pihak yang lain seperti Perbadanan Kemajuan Negeri dalam mencari-gali di kawasan-kawasan luar daripada Simpanan Melayu. Di samping itu Jabatan Galian juga membantu kaum Bumiputra untuk menyediakan sekim-sekim perlombongan dan penilaian.

Mengenai syor supaya memperkemas lagi peraturan-peraturan kawalan bijih timah dan memberi keutamaan dan kemudahan kepada pelombong-pelombong kecil, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini adalah di dalam kajian Kementerian saya.

Berhubung dengan kueh lombong yang makin berkurangan itu perlu dinyatakan bahawa perindustrian lombong ini adalah agak ganjil sedikit jika dibandingkan dengan lain-lain industri. Perkembangan Industri ini bukanlah otomatik; ia adalah bergantung kepada kejupaan tanah-tanah yang mempunyai bahan logam yang ekonomik. Oleh hal yang demikian itulah, kita kerap kali dapati bahawa perkembangan perlombongan ini makin bertambah kecut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini juga mengadakan lebih banyak usaha-usaha cari gali tanah-tanah yang mengandungi potensi logam yang ekonomik di samping berusaha menjaga kesetabilan harga logam terutama sekali bijih timah.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mansor Mohamad, saya suka memaklumkan bahawa Perusahaan tembakau tidak boleh dihadkan di satu-satu kawasan sahaja memandangkan bahawa tembakau perlu ditanam di kawasan-kawasan yang sesuai dari segi kedapatan tanah, penanam-penanam dan pekerja-pekerja. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang menghadkan tanaman tembakau di Pantai Timur sahaja. Walau bagaimanapun, kebenaran Lembaga Tembakau Negara mesti diperolehi terlebih dahulu untuk mengelakkan dari pengeluaran yang berlebihan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Syarikat-syarikat rokok yang baru ditempatkan di Pantai Timur, memanglah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat tersebut ditubuhkan di Pantai Timur tetapi keputusan menubuhkan syarikat tersebut di Pantai Timur adalah terpulang kepada syarikat tersebut.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan pertama kali saya berucap dalam Dewan yang mulia ini, izinkan saya menyampaikan salam kepada Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat di atas perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan kontrektor bumiputra, samada Kementerian saya memberi dorongan kepada kontrektor-kontrektor bumiputra dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan.

Dukacita saya menafikan tuduhan seorang daripada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Jabatan Kerjaraya ataupun Kementerian saya tidak memberi layanan yang mencukupi kepada kontrektor-kontrektor Bumiputra. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya telahpun menubuhkan satu yunit khas iaitu Yunit Pemborong Bumiputra untuk menguruskan semua projek-projek Jabatan Kerjaraya yang diberikan kepada pemborong Bumiputra.

Kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh pemborong Bumiputra dapat dilihat daripada beberapa angka-angka yang telah dikumpulkan sehingga hari ini. Sebelum pelaksanaan dasar mewajibkan 30% nilai kerja yang dijalankan oleh pemborong Bumiputra, keadaan adalah kurang memuaskan. Dalam tahun 1972 misalnya daripada nilai keseluruhan sebanyak \$214,290,472 hanya \$46,528,829 adalah dipegang oleh pemborong-pemborong Bumiputra ataupun sebanyak 21%. Dalam tahun 1973 iaitu tahun bermulanya pelaksanaan dasar 30% oleh Jabatan Kerjaraya, kedudukan tersebut telah meningkat kepada 35% iaitu sebanyak \$132,904,360 berbanding kepada nilai keseluruhan sebanyak \$375,492,402. Dalam tahun 1974 pula peratus nilai kerja yang dijalankan oleh pemborong Bumiputra telah meningkat kepada 39% iaitu \$210,375,250 daripada nilai keseluruhan sebanyak \$532,271,340. Angka bagi tahun 1975 sedang disiapkan sekarang. Ini menunjukkan bahawa pemborong-pemborong Bumiputra telah memperlihatkan kegiatan yang menggalakkan dalam bidang kerja pembinaan. Selain daripada itu dapat dilihat bahawa bilangan pemborong-pemborong Bumiputra yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja yang ditawarkan secara bebas telah bertambah dari semasa ke semasa dan ramai pula daripada mereka berjaya mendapat tawaran tersebut. Ini menunjukkan pemborong-pemborong Bumiputra telah sedikit demi sedikit memperlihatkan kemajuan sehingga dapat menandingi pemborong-pemborong bukan Bumiputra dalam tawaran bebas.

Mengenai soal memecahkan kontrak besar supaya membolehkan kerja-kerja itu diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya sedar tentang keadaan ini. Walau bagaimanapun, saya perlu menerangkan di sini bahawa oleh kerana beberapa projek dilaksanakan di bawah pinjaman dari Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, Kementerian saya terpaksa mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak-pihak yang tersebut dan dalam hal ini tidak mungkin bagi Kementerian saya memecahkan sebuah projek yang besar kepada beberapa kontrak kecil.

Di sini saya hendak tambah oleh kerana Kementerian saya bukan sahaja melaksanakan projek-projek di bawah vote kita sendiri,

Kementerian saya pun menjalankan projek-projek yang ditugaskan kepada kita oleh Kementerian lain seperti Pertahanan, Pendidikan, Hal Ehwal Dalam Negeri, Kesihatan dan sebagainya. Jadi, di sini Kementerian saya perlu menjaga keseimbangan kepentingan Kementerian-kementerian (client Ministries atau client Departments) dan kepentingan pemborong-pemborong kecil. Baru-baru ini misalnya Kementerian Pertahanan telah memaklumkan bahawa di sebuah tempat di Bukit China di sana ada lebih kurang 20 kontraktor. Kalau dalam satu tempat yang kecil ada 20-30 kontraktor, jadi they get into each other's way. As the English saying goes: "Too many cooks spoil the soup." Jadi, Kementerian saya terpaksa menjaga kepentingan mereka dan juga kepentingan pemborong-pemborong kecil. We must strike a balance between the services we have to give to our client departments and Ministries as well as the interest of the small contractors.

Senator Raja Datuk Nong Chik dalam ucapannya ada menyentuh tentang korupsi dalam proses persembahan kontrak. Malangnya, Ahli Yang Berhormat itu tidak memberikan butir-butir yang cukup. Kementerian saya mengambil berat tentang perkara seperti itu dan saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendapat tahu ada penyelewengan dalam perkara ini memberi bukti-bukti kepada Kementerian saya atau kepada B.S.N. supaya siasatan dapat dijalankan dan tindakan yang tegas boleh diambil terhadap orang-orang yang terlibat.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan pembinaan jalan-jalan di kawasan luar-bandar. Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengesa supaya dibina lebih banyak lagi jalan-jalan ini untuk kemudahan-kemudahan rakyat di luar-bandar. Kementerian saya sedar bahawa pembinaan jalanraya di luar bandar adalah sebagai sumbangan atau sebagai dorongan yang paling berkesan sekali ke arah pembangunan ekonomi sesuatu tempat. Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa perancangan pembinaan jalan-jalan di luar-bandar adalah dikendalikan secara langsung oleh Jabatan Perdana Menteri. Kementerian saya walau bagaimanapun diberi tugas bagi mengawasi pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. Jabatan-jabatan Kerjaraya

Negeri-negeri yang berkenaan telahpun membuat segala persiapan untuk melaksanakan rancangan jalan-jalan luar-bandar dan saya suka memberi jaminan bahawa Jabatan Kerjaya akan cuba melaksanakan projek-projek itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Saya mendapat tahu bahawa peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai jalan-jalan luarbandar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telah diperbesar lagi terutama sekali di negeri-negeri yang kurang maju. Suatu peruntukan berjumlah \$107,000,000 telah disediakan untuk tujuan ini. Sebagaimana biasa Kerajaan Negerilah yang menyediakan projek-projek yang akan dilaksanakan sebelum ianya diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyentuh berkenaan dengan rancangan bekalan letrik luarbandar. Berhubung dengan perkara ini, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya dijangka akan melaksanakan program ini dengan lebih meluas lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini dapat dilihat dari angka-angka peruntukan yang disediakan untuk tiap-tiap negeri yang mana adalah lebih besar daripada peruntukan pada masa-masa yang lalu. Dengan peruntukan yang lebih ini saya rasa kebanyakan daripada kawasan-kawasan di luarbandar akan mendapat bekalan letrik.

Setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan dengan bekalan air di luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$100 juta bagi melaksanakan projek-projek bekalan air luar bandar. Sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga adalah diharap kebanyakan daripada kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat bekalan air yang cukup. Pihak Jabatan Kerjaya akan berusaha menyiapkan segala projek bekalan air luar bandar dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini pihak Kementerian saya juga telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengemukakan projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kementerian saya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga ini diluluskan oleh Dewan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga ini diluluskan oleh Dewan.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976—1980

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas beberapa teguran yang telah dibuat mengenai jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya semasa Dewan membahaskan usul Rancangan Malaysia Ketiga.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid berkenaan dengan masalah kesilapan panggilan talipon, pengaduan ini boleh jadi disebabkan oleh beberapa kemungkinan. Pada lazimnya masaalah seperti ini adalah disebabkan oleh pembetulan alat-alat talipon di tempat kediaman pelanggan-pelanggan. Sekiranya terdapat perubahan-perubahan ke atas kepantasan dial seperti yang telah ditentukan akibat penggunaan yang sering dilakukan ke atas alat-alat itu besar ke

mungkinan alat-alat tersebut mendapatkan nombor yang salah. Dalam kes-kes yang lain, perkara ini mungkin disebabkan oleh kerosakan-kerosakan teknik pada alat-alat switch dan talipon. Oleh sebab aduan Ahli Yang Berhormat terlalu umum, jawapannya yang tepat tidak dapat diberikan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu maklumat-maklumat mengenai nombor-nombor yang salah yang pernah beliau dapat dan juga nombor talipon beliau, maka satu penyiasatan akan dapat dijalankan untuk menentukan dan memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut.

Berhubung dengan teguran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik adalah tidak benar yang MAS telah mengenakan tambang yang tinggi untuk perkhidmatan dalam negeri bagi menampung keuntungan kecil atau kerugian-kerugian terhadap perkhidmatan antarabangsa. Malahan keadaan yang sebaliknya adalah benar. Pendapatan daripada perkhidmatan antara bangsa ialah lebih kurang 70% dari jumlah pendapatan MAS walaupun dari segi jumlah penumpang 60% darinya adalah terdiri dari penumpang-penumpang dalam negeri.

Penglibatan antarabangsa MAS adalah berdasarkan perkhidmatan perdagangan dalam ertikata yang sebenarnya. Dan memanglah satu kenyataan yang perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah menguntungkan sehinggakan dapat ianya menampung kerugian-kerugian di sektor-sektor dalam negeri.

Tuduhan-tuduhan bahawa lebih daripada 30% dari penumpang-penumpang Kuala Lumpur—London terdiri dari penumpang-penumpang percuma adalah tidak benar. Catitan kami menunjukkan bahawa tidak lebih daripada 10% dari penumpang MAS adalah penumpang-penumpang percuma dan keadaan ini menjadi kebiasaan pada mana-mana syarikat penerbangan. Adalah juga tidak benar yang MAS menggunakan kedudukan monopolinya untuk mengenakan tambang yang tidak wajar terhadap penumpang-penumpang. Masaalah yang utama yang dihadapi oleh perusahaan penerbangan hari ini ialah kekerapan kenaikan harga minyak dan lain-lain kos pengendalian yang mana ini dirasai oleh kedua sektor antarabangsa dan dalam negeri. Di sektor antarabangsa kenaikan kos ini sedikit-sebanyak ditampung oleh kenaikan tambang IATA yang

memang dipersetujui oleh seluruh syarikat penerbangan antarabangsa. Sejak tahun 1974 tambang penerbangan antarabangsa telah naik tidak kurang daripada enam kali berjumlah lebih kurang 37%. Sebaliknya dengan kenaikan kos yang sama untuk sektor-sektor di dalam negeri, tambang penerbangan dalam negeri dinaikkan sekali di antara 5% hingga 10% dalam tahun 1974 dengan kenaikan yang terakhir berjumlah 15% daripada 1hb Julai 1976. Kenaikan ini tidak boleh disifatkan sebagai tidak wajar kerana kenaikan-kenaikan kos seperti harga minyak telah meningkat kepada 250% sejak tahun 1974. Tambahan pula kenaikan tambang dalam negeri kita adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Indonesia yang menaikkan harga tambang dalam negeri sebanyak 75%, Australia 30% dan lain-lain negeri daripada 20% hingga 50%.

Dalam usaha untuk menggalakkan dan memberi kemudahan-kemudahan kepada penumpang dalam negeri, MAS telah mengadakan perkhidmatan tambang murah di antara Kuala Lumpur—Pulau Pinang; Kuala Lumpur—Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur—Kuching. Lebih banyak lagi perkhidmatan tambang murah ini telah dirancangan, umpamanya, perkhidmatan di antara Kota Kinabalu—Kuching; Kuala Lumpur—Kota Bharu apabila lapangan-terbang Kota Bharu sudah siap untuk perkhidmatan malam.

Selain daripada itu, pertimbangan harus juga difikirkan bahawa MAS juga harus memberikan perkhidmatan ke kawasan-kawasan terpencil seperti di negeri Sarawak dan Sabah dalam mana perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini tidaklah memberi keuntungan kepada MAS.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi teguran.

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang membincangkan usul yang berkenaan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat komen dan cadangan serta perhatian, terhadap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya ingin memberi jaminan bahawa segala cadangan dan peratitan yang dikemukakan itu akan dikaji dengan sedalam-dalamnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Ponnusamy Pillai telah memperkatakan keadaan pekerja-pekerja ladang yang bersara dan mencadangkan bahawa Peraturan-peraturan diadakan untuk memaksa ladang-ladang melaksanakan sekim pemilikan rumah sendiri untuk pekerja-pekerja sedemikian. Kesulitan-kesulitan pekerja-pekerja sangat di rasakan terutama sekali bila sepanjang tempoh mereka bekerja, mereka telah menikmati perumahan percuma dan kemudahan-kemudahan yang lain di ladang tersebut, dan apabila bersara, pula mereka dikehendaki mencari kediaman yang lain.

Kerajaan mempunyai dasar perumahan yang harus dilaksanakan yang menitikberatkan kepada kumpulan yang berpendapatan rendah, termasuk pekerja-pekerja ladang. "Revolving Fund" sebanyak \$10 juta untuk tujuan perumahan pekerja-pekerja telah dibentuk dan akan menyelenggarakan di antara lain, untuk sekim pemilikan rumah sendiri di ladang-ladang dan lombong-lombong, seperti diperakui oleh Pasukan Bertugas itu. Kerajaan Persekutuan adalah memberi kepentingan kepada sekim pemilikan rumah ini dan sedang berusaha untuk menjalankannya.

Ahli Yang Berhormat harus maklum bahawa sekim ini adalah satu sekim yang baru dan berkehendakkan kerjasama dan bantuan bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan, bahkan kerjasama erat daripada Kerajaan Negeri-negeri serta majikan-majikan ladang-ladang. Memandangkan kepada beberapa masalah yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan sekim ini, seperti "conversion" tanah-tanah ladang kepada tanah-tanah perumahan, sistem pemberian tanah-tanah ladang kepada tanah perumahan ini hendaklah diselaraskan mengikut kajian yang perlu dibuat. Syarikat Kumpulan Guthries telah mencadangkan sekim pelupur ini diletakkan di Ladang Sengkang, Port Dickson. Kumpulan Guthrie telahpun sedia melancarkan dan menjalankan beberapa perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sembilan.

Adalah diharapkan bahawa masalah-masalah yang masih belum diselesaikan akan dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Sementara itu, dengan adanya Tabung Pusingan kepada Kerajaan, beberapa buah sekim perumahan lagi untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong telah dan sedang dirancang seperti di Negeri Selangor, Johor dan Kedah. Sekarang ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan rancangan pertama adalah diharapkan dapat dijalankan dalam beberapa bulan lagi, di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor dan lain-lain tempat. Ladang-ladang lain yang sedang merancang sekim ini termasuk Ladang Bukit Paloh di Johor, Ladang Bukit Perkaka di Kuala Ketil, Kedah dan tiga atau empat ladang lagi di Selangor dan dua Syarikat perlombongan di Selangor juga.

Sekim perumahan di Ladang Tennamaram dan lain lagi akan memberi pengalaman kepada Kementerian ini untuk melicinkan rancangan dan perjalanan sekim-sekim yang lain. Kementerian ini berpendapat bahawa ini akan membolehkan Kerajaan menyediakan garis panduan yang lebih mendalam untuk melaksanakan sekim yang lain. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Perumahan akan terus mengawasi perkara ini dan mengambil apa jua tindakan yang diperlukan. Kerajaan berpendapat bahawa tidaklah perlu, pada masa ini, untuk mengadakan undang-undang bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini. Sokongan-sokongan yang sedang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan, dan juga Kerajaan Negeri-negeri adalah menggalakkan.

Ahli Yang Berhormat tersebut telah juga menyebutkan tentang pemberian tanah kepada pekerja dengan tanggungan yang tinggal bersama di dalam sebuah ladang. Ramai majikan telah menyediakan tanah seluas 1/16 ekar kepada pekerja-pekerja dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang masih dihadapi di lain-lain ladang. Ini adalah kehendak undang-undang dan memang diawasi oleh Jabatan Buruh dalam urusan Jabatan tersebut secara kebiasaan. Adalah diharapkan Ahli Yang Berhormat itu serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menghadapi masalah dalam

perkara ini dapat melapurkan estet-estet yang tidak menyediakan tanah kepada Kementerian Buruh untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt dan Yang Berhormat Senator S. M. Vellayappa telah membangkitkan perkara komposisi kaum di semua peringkat dan bidang-bidang pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya adalah menjadi dasar Kerajaan supaya pekerja-pekerja di semua tempat-tempat pekerjaan mencerminkan komposisi kaum di negara ini, sejajar dengan dasar ekonomi baru Kerajaan. Sukacita dimaklumkan bahawa di firma-firma yang baru terutama sekali Syarikat-syarikat yang diberi taraf perintis, komposisi kaum pekerja di semua peringkat adalah memuaskan. Akan tetapi bagi firma-firma dan Syarikat-syarikat yang lain pencapaian ini tentulah akan memakan masa kerana kedudukan ini akan hanya dapat diperseimbangkan apabila berlaku kekosongan-kekosongan dalam pekerjaan-pekerjaan di Syarikat tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Perusahaan dan Perindustrian akan sentiasa mengikuti supaya peraturan ini adalah dipatuhi.

Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng telah mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengharamkan tindakan-tindakan perusahaan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan. Di sini jaminan adalah diberi kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Akta Perhubungan Perusahaan yang berkuatkuasa sekarang ini adalah cukup untuk mengawasi dan menguruskan apa-apa pertikaian yang mungkin berlaku. Kementerian ini akan sentiasa mengikuti dengan secara teliti apa-apa jua perkembangan yang berlaku.

Berhubung dengan pekerja-pekerja yang beragama Islam yang ingin menunaikan Sembahyang Jumaat, Kementerian ini telah pun menubuhkan suatu jawatankuasa kecil terdiri dari wakil-wakil Pekerja, Majikan dan Majlis Agama Islam untuk mengkaji perkara ini. Suatu laporan akan dikemukakan kelak.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

6.35 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mem-

berikan beberapa pandangan mereka terhadap Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak berhajat untuk mengulas tiap-tiap pandangan yang telah dikemukakan, akan tetapi saya ingin memberi penjelasan kepada perkara-perkara ini secara am sahaja di dalam mengulungkan perbahasan di atas usul ini.

Perbahasan terhadap usul untuk menerima Rancangan Malaysia Ketiga menunjukkan bahawa Dewan Negara sepenuhnya menerima tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat sebagaimana tercatat di dalam dokumen Rancangan tersebut. Kerajaan besar hati terhadap sokongan yang telah diberi oleh Dewan kepada Rancangan itu dan akan menimbang dengan wajarnya pandangan-pandangan yang dibuat apabila dasar dan rancangan-rancangan itu dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Saya ingin memberi penjelasan yang ringkas berkenaan dengan aspek-aspek Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibangkitkan secara langsung dan tidak langsung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam perbahasan yang telah berjalan Dewan telah melahirkan perasaan atas perlunya menambah lagi program-program berkenaan kemiskinan luar bandar, terutama memandangkan kepada ancaman keselamatan. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga iaitu satu rancangan pembangunan yang terbesar akan dilaksanakan oleh negara ini, adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan disamping menggalak penyusunan semula masyarakat. Untuk memudahkan pencapaian objektif ini, perbelanjaan pembangunan dan pelaburan swasta bagi tempoh 1976-1980 adalah dijangka bertambah dua kali ganda daripada jumlah yang telah dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan menyedari sepenuhnya bahawa tugas ini tidak sepatutnya dilihat dari segi jumlah pelaburan-pelaburan ini sahaja. Untuk mencapai objektif Rancangan tersebut sepenuhnya, adalah perlu supaya pelaburan-pelaburan ini memberi kesan ke atas pendapatan dan kualiti hidup rakyat. Ini akan merupakan satu cabaran yang besar dari segi kebolehan kita menentukan bahawa faedah-faedah polisi dan program-program dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dapat dinikmati oleh kumpulan-kumpulan dan kawasan-kawasan yang diutamakan di negeri ini.

Kerajaan berazam untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyalurkan faedah pembangunan kepada masyarakat seluruhnya, terutama sekali kepada golongan yang miskin dan mereka di negeri-negeri yang kurang maju. Langkah yang paling tegas ke arah ini ialah peruntukan yang besar dalam perbelanjaan pembangunan kerajaan untuk rancangan-rancangan yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di kawasan bandar dan juga luar bandar.

Kerajaan adalah terlibat dan berazam untuk melaksanakan dengan sepenuhnya objektif dan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Kita akan bekerja keras untuk menghapuskan segala rintangan yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan rancangan tersebut. Sebarang gangguan atau alangan atau tindakan melambat-lambatkan pelaksanaan rancangan itu yang disebabkan samada secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana pihak yang kurang kiran dan tidak bertanggungjawab tidak akan dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan adalah berazam bagi memastikan bahawa matlamat rancangan itu akan tercapai terutama sekali rancangan-rancangan yang akan membasmi kemiskinan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai pembangunan di negeri-negeri kurang maju. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Ketiga telah memberi perhatian lebih kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan kepada negeri-negeri kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan memberi keutamaan supaya peruntukan-peruntukan ini digunakan secara produktif untuk meninggikan taraf hidup golongan miskin. Untuk tujuan ini, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan telah diarahkan bukan sahaja untuk menentukan rancangan-rancangan dan projek-projek dilaksanakan sepenuhnya tetapi juga untuk menyediakan banyak lagi projek-projek baru di negeri-negeri kurang maju.

Kita dalam Kerajaan adalah sedar bahawa langkah-langkah perlu diambil untuk membolehkan tenaga manusia yang mahir dan profesional kepada negeri-negeri kurang maju untuk menyenangkan pembangunan negeri-negeri itu. Dengan sebab itu, Kerajaan

akan memperkuatkan peranan Yunit Perancang Negeri dengan memberi perhatian istimewa dalam pembentukan dan pelaksanaan projek-projek yang lebih banyak di negeri-negeri kurang maju. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mendapatkan semua pihak berkuasa di peringkat Negeri dan Persekutuan yang terlibat di dalam pelaksanaan untuk berbincang tentang bagaimana menentukan supaya projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan dengan lebih cepat dan licin.

Semasa perbahasan di dalam Dewan ini, Kerajaan telah digesa untuk mengujudkan lebih banyak pekerjaan di Negeri kurang maju supaya pemindahan keluar dari Negeri-negeri itu dikurangkan. Dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga, usaha-usaha intensif akan dibuat untuk membuka tanah-tanah baru, memajukan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan asas, menubuhkan pusat-pusat pembangunan baru dan menggalakkan perindustrian di Negeri-negeri kurang maju. Semua aktiviti ini akan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan baru di Negeri-negeri tersebut dan akan menambah lebih banyak lagi guna tenaga yang produktif. Sungguhpun begitu, tidaklah realistik jika kita mengharapkan langkah-langkah ini dapat mencegah sama sekali aliran keluar tenaga buruh dari Negeri-negeri kurang maju. Bahkan, pengaliran keluar patut digalakkan setakat yang berpatutan untuk mengurangkan tekanan di kawasan-kawasan di mana bilangan penduduknya adalah tinggi dan suasana untuk pembangunan adalah kurang baik. Oleh kerana jumlah yang dapat diterima oleh kawasan-kawasan bandar adalah terhad, adalah perlu supaya peluang disediakan untuk mereka berpindah ke kawasan-kawasan pembangunan baru seperti di Pahang, Johor dan Trengganu. Berhubung dengan ini, adalah perlu negeri-negeri yang mempunyai sekim-sekim pembangunan tanah yang besar menerima peneroka-peneroka dari Negeri-negeri yang kurang maju dan dengan cara ini dapat mengurangkan masalah-masalah kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar yang mundur.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kebanyakan daripada projek-projek pembangunan di Negeri-negeri akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun disadari bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai hasil-hasil untuk pembangunan

yang terhad, peluang masih ada untuk berjimat-cermat di dalam pengurusan kewangan dan melicinkan lagi jentera pentadbiran untuk mendapat tambahan punca-punca hasil, misalnya, dengan cara meminjam dari sektor swasta. Adalah perlu bagi Kerajaan Negeri untuk memperbaiki sistem kewangan dan pentadbiran supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih besar di dalam membiayai pembangunan. Dalam soal ini, Kementerian saya akan berbincang dengan pihak berkuasa kewangan Negeri berkenaan dengan cara-cara untuk menambahkan lagi pungutan hasil-hasil Negeri. Di mana perlu, Kementerian Kewangan akan membantu mereka untuk memperbaiki jentera pungutan mereka.

Rancangan Malaysia Ketiga telah mengkaji dengan panjang lebar berkenaan keperluan kewangan bagi jangka masa 1975-1980. Untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan untuk memenuhi keperluan-keperluan perbelanjaan keselamatan, perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan bertambah dari \$20.8 million di bawah Rancangan Malaysia Ketiga hingga \$42.5 billion di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan semasa Badan Berkanun sebanyak \$8,000 juta. Sungguhpun Kerajaan yakin dengan perkembangan ekonomi, kita akan mendapatkan hasil yang diperlukan itu, adalah penting perhatian yang teliti diberi supaya hasil-hasil itu digunakan dengan jimat-cermat, jika keperluan perbelanjaan tersebut hendak dipenuhi, di samping mengekalkan rekod baik negara ini di dalam pengurusan kewangan.

Di dalam usaha kita untuk mempercepat pembangunan, sebahagian besar adalah bergantung kepada sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh sektor swasta terutamanya dari sektor mengilang. Saya mempunyai sama pendapat dengan pandangan-pandangan yang telah diberi di dalam Dewan yang mulia ini bahawa peranan sektor swasta yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan terangnya menekankan betapa pentingnya mengekalkan satu suasana pelaburan yang sihat di dalam negeri ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menekankan perkara ini. Di dalam kenyataan-kenyataan saya pun, saya juga telah menyatakan dengan jelas bahawa Kerajaan

akan terus menggalakkan perkembangan peranan daya usaha swasta dan pelabur dalam ekonomi oleh kerana ini adalah penting bagi perindustrian dan permoden negara kita. Kita akan mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa jentera pentadbiran dilengkapkan dengan sepenuhnya untuk melaksanakan prinsip-prinsip asas polisi Kerajaan seperti yang telah termaktub di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga untuk menggalakkan perkembangan sektor swasta di dalam ekonomi. Saya ingin menegaskan sekali lagi harapan saya supaya sektor swasta bekerjasama dengan Kerajaan bagi menentukan kerjasama yang lebih erat. Kerjasama seperti itu adalah penting ke arah menentukan peranan yang licin oleh sektor swasta dalam melaksanakan Rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek poli yang perlu diterangkan ialah berkaitan dengan pemilikan dan pengawalan sektor luar negeri di dalam ekonomi. Seorang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa orang-orang luar ataupun orang-orang asing mengawal 60% daripada kekayaan negeri ini. Ini tidaklah menunjukkan keadaan yang sebenar oleh kerana sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam negeri ini adalah dimiliki oleh rakyat Malaysia. Kawalan oleh orang luar hanya terdapat di dalam sektor "corporate" dan jumlahnya kira-kira 20% sahaja daripada jumlah ke luaran negara. Dengan itu, ianya merupakan kadar yang sangat kecil dari kegiatan ekonomi jika dibandingkan dengan sumbangan sumbangan yang giat oleh rakyat Malaysia terhadap keluaran negara ini.

Berhubung dengan soal penyertaan dalam perusahaan-perusahaan, seorang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal perusahaan petroleum dan mengesyorkan supaya Kerajaan memberi peluang kepada bumiputra menyertai perusahaan petroleum dan tidak memberi concesssion hanya kepada PETRONAS sahaja.

Dalam hal ini, suka saya menyatakan disini bahawa adalah menjadi tujuan PETRONAS untuk menggalakkan bumiputra mengambil bahagian yang cergas dalam segala lapangan perusahaan petroleum di negara ini; dan dengan tujuan itulah maka Akta Kemajuan Petroleum, 1974 telah dipinda dalam tahun 1975 untuk memberkuasa kepada PETRONAS mengawala

syarikat-syarikat yang menjalankan per-
usahaan mengilang, memproses, memasarkan
dan membahagi-bahagi petroleum dan
keluaran-keluaran petroleum. Kawalan ini
adalah dijalankan dengan cara melesenkan
syarikat-syarikat itu. Syarat-syarat dalam
lesen itu termasuklah syarat-syarat syarikat
tersebut memberi peluang kepada bumiputra
membuat pelaburan dalam syarikat itu.
Bagi syarikat asing yang hendak menjalankan
perusahaan-perusahaan tersebut mereka ada-
lah dikehendaki menubuhkan syarikat itu di
negeri ini dan penyertaan bumiputra dalam
ekuiti syarikat itu hendaklah tidak kurang
daripada 30%, iaitu sejajar dengan kehendak
dan objektif Dasar Ekonomi Baru. Selain
daripada itu syarikat-syarikat tersebut ada-
lah juga dikehendakki mengikut garis-garis
yang telah dibuat oleh Kerajaan mengenai
pengambilan kakitangan bumiputra untuk
bekerja dengan syarikat tersebut. Dengan
adanya kawalan yang sebegitu, adalah di-
harapkan bahawa penyertaan bumiputra
dalam lapangan perusahaan petroleum akan
lebih berkesan.

Berhubung dengan syor concession pula,
perkara ini tidaklah berbangkit lagi. Meng-
ikuti undang-undang, iaitu Akta Kemajuan
Petroleum, 1974, hakmilik dan kuasa-kuasa
untuk mencarigali telah diberi kepada
PETRONAS sahaja, dan Kerajaan Pusat
dan Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun me-
nandatangani suratcara meletakkan hak-
milik dan pemunyaan kuasa-kuasa ini
kepada PETRONAS. Perletakkan hakmilik
ini adalah untuk selama-lamanya (in
perpetuity). Walau bagaimanapun, pihak-
pihak lain boleh menjalankan usaha men-
carigali dan mengeluarkan petroleum dengan
syarat mereka diambil secara pemborong
atau contractor dan menandatangani per-
janjian perkongsian pengeluaran (production
sharing agreement) dengan PETRONAS.
Mengikut dasar ini concession tidak akan di-
derikan lagi kepada sesiapa pun. Syarikat-
syarikat Bumiputra, Korporasi-korporasi dan
uga lain-lain badan bumiputra juga mem-
punyai peluang untuk mengambil bahagian
dalam aktiviti tersebut, tetapi mereka

hendaklah benar-benar berkeupayaan untuk
menjalankan aktiviti-aktiviti itu yang biasa-
nya menelan belanja beratus-ratus juta
ringgit banyaknya.

Berhubung dengan soal kemerosotan moral
di kalangan masyarakat di negara ini yang
dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Ber-
hormat, sukacita saya menyatakan bahawa
Kerajaan adalah sedar tentang kedudukan
ini dan jika tidak diperbaiki mungkin men-
jejaskan usaha-usaha untuk mencapai mat-
lamat Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh
yang demikian, di dalam usaha pem-
bangunan negara dalam Rancangan Malay-
sia Ketiga, Kerajaan tidak akan mengabaikan
tanggungjawabnya dalam bidang pem-
bangunan kerohanian. Untuk melaksanakan
tugas pembangunan kerohanian ini Kerajaan
sentiasa berusaha untuk memperhebatkan
lagi kegiatan dakwah dan penyebaran ajaran
agama Islam.

Latihan-latihan dakwah dan latihan ke-
rohanian adalah diberi kepada Pegawai-
pegawai Ugama dari seluruh negara dan juga
kepada Pegawai-pegawai Kerajaan. Selain
daripada itu tindakan adalah diambil juga
melalui Instituit Dakwah dan Latihan Islam
bagi menimbulkan kesedaran dan keyakinan
sepenuhnya terhadap ajaran Islam, lebih
lebih lagi dalam keadaan sekarang ini di
mana masyarakat sekarang sedang ber-
hadapan dengan ancaman ideoloji dan
fahaman kebendaan seperti fahaman komunis
dan pengaruh-pengaruh kebudayaan liar dari
barat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan
saya dan sekali lagi saya ucapkan ber-
banyak-banyak terima kasih pada Ahli-ahli
Yang Berhormat yang telah mengeluarkan
pandangan yang bernas dan baik bagi
mengakhiri ucapan saya, saya mohon
mencadangkan. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dise-
tujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini *menyedari* kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar

Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 18hb Ogos, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.57 petang.